# Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

TAHUN 27 BILANGAN 52 | RABU 29HB DISEMBER, 1982. | رابو 13 ربيع‌الاول 1403 | PERCHUMA


# Perkembangan Islam sa-makin mendalam — Titah

*TITAH Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei sempena perayaan sambutan Maulud Nabi Muhammad s.a.w. di-Padang Sekolah Menengah Sultan Muhammad Jamalul Alam, Bandar Seri Begawan, Brunei pada 28hb Disember 1982.*

BETA bershukor ka-hadhrat Allah s.w.t. yang telah melempahkan rahmat-Nya dan mengizinkan kita berkumpol beramai2 pada hari yang mulia ini, selawat dan salam kapada Junjongan kita Nabi Muhammad s.a.w. yang kita sambut hari keputeraan Baginda pada hari ini serta juga kapada kaum keluarga, sahabat2 dan pengikut2 Baginda yang taat lagi setia hingga ka-akhir zaman.

Pada hari ini kita beramai2 bersama2 saudara2 kita umat Islam di-seluroh dunia memperingati hari keputeraan Nabi kita Muhammad s.a.w. yang telah membawa kapada kita suatu anugerah Allah yang maha besar ia-itu ugama Islam. Kita merasa bertuah dan bangga kerana terpileh dan termasok dalam golongan hamba2 Allah yang beriman kapada Islam dan Nabi Muhammad s.a.w. Mudah2an kita semua akan terus menjalankan dan mengamalkan ajaran2 Islam dengan penoh tulus ikhlas dan terus memperbaiki diri dalam memperkuat dan takwa hubongan dengan Allah s.w.t.

Thema sambutan pada kali ini ia-itu "Taubat Puncha Kesejahteraan" ada-lah di-rasakan bersesuaian pada menginsafkan umat Islam mengenai dengan kepentingan taubat. Kita sudah pernah mengikuti dan Isha Allah akan terus mendengar hurai2an mengenai taubat itu melalui sharahan2 ugama baik menerusi radio dan talivishen mahu pun di-perhimpunan2 ugama. Beta berharap semoga umat Islam di-negeri ini akan dapat menghayati surohan2 ugama yang berhubongan dengan perkara ini.

Beta bershukor ka-hadhrat Allah s.w.t. kerana timbul-nya kesedaran berugama yang meluas di-kalangan umat Islam di-negeri kita Brunei Darussalam ini, dan Beta perchaya perkembangan ugama Islam semakin mendalam selagi

Lihat muka 20



KEBERANGKATAN tiba Kebawah DYMM di-alu2kan oleh YB Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama dan YB Pengarah Kebajikan Belia dan Sokan.

## Gelaran di-ubah

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei baru2 ini telah berkenan mengorniakan perubahan gelaran Penchetak Kerajaan kapada Pengarah Perchetakan dengan rasmi-nya akan di-pakai bermula pada 1hb Januari, 1983 depan.

Sukachita juga di-maalomkan untok pengetahuan orang ramai bahawa Pejabat Lembaga Kemajuan Ekonomi Jabatan Setiausaha Kerajaan telah berpindah ka-bangunan lama Jabatan Pelajaran di-Bandar Seri Begawan sejak 26hb Disember, 1982 lepas.

# Pandangan dan pendekatan ajaran Islam: PERLUASKAN KAPADA HIDUP BERMASHARAKAT DAN BERNEGARA

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei bertitah sudah sampai masa-nya pandangan dan pendekatan terhadap Islam khas-nya dalam usaha2 untok menyebarkan dan memperkembangkan ajaran2 Islam itu di-perluaskan pada meliputi aspek2 kehidupan yang lebeh besar yakni hidup bermasharakat dan bernegara.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan bertitah demikian dalam majlis sambutan perayaan Maulud Nabi Muhammad s.a.w. yang berlangsong di-Padang Sekolah Menengah Sultan Muhammad Jamalul Alam di-sini pagi kelmarin.

Baginda Sultan dan Yang Dipertuan seterusnya menekankan dalam titah Baginda usaha2 demikian tidak pula sa-harusnya di-tumpukan kapada perkara2 yang berkaitan dengan amal ibadat dengan pandangan yang sempit sa-hingga boleh menjadikan sa-seorang itu hanya sa-mata2 mementingkan amal ibadat untok kepentingan dan keuntongan diri-nya sahaja dengan tidak rujok kapada tegoran2 yang membena tanpa memikirkan hubongan-nya dengan perkara2 lain yang lebeh mustahak.

"Berikutan dengan ini Beta ingin menyatakan bahawa dalam usaha2 untok menyedarkan umat Islam dan menyebarkan ajaran2 ugama Islam maka tidak dapat di-nafikan yang kesedaran sa-umpama itu harus di-timbulkan dari zahir batin diri sa-tiap umat Islam," titah Baginda lagi.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia itu perchaya perkembangan ugama Islam semakin mendalam selagii ada chekerawala matahari dan bulan yang mana Allah s.w.t. menjadikan langit dan bumi.

Kemajuan yang telah dichapai di-bidang perkembangan ugama ini, titah DYMM selanjut-nya, sudah tentu sa-bahagian-nya di-sebabkan oleh kesedaran kerajaan terutama dalam usaha2 untok menjadikan Islam sa-bagai chara hidup yang lengkap.

Berhubong dengan usaha2 untok memperluaskan penyebaran dan perkembangan ajaran2 Islam itu DYMM bertitah: "Apa yang Beta maksudkan ia-lah amal ibadat yang mendatangkan faedah atau keuntongan bukan saja kapada mereka yang mengerjakan-nya tetapi juga kapada masharakat 'am-nya."

Perubatan2 atau amalan2 yang baik saperti taat kapada negara, patoh kapada peratoran dan undang2 dan bersunggoh2 pada menjalankan kewajipan ia-lah amalan yang mustahak di-semai di-kalangan raayat dan pendudok negeri ini, titah Kebawah DYMM selanjut-nya.

Sebalek-nya titah Baginda Sultan dan Yang Dipertuan lagi, sikap yang tidak baik dan merugikan saumpama-nya chuai pada menjalankan tugas dan lain2 lagi saperti pembaziran, sebab pembaziran itu ada-lah menurut kelakuan shaitan, penyelewengan dan tidak amanah, penghasut, pemfitnah2 dan penyebar khabar2 angin yang tidak berasas hendak-lah di-benteras.

"Dengan chara ini Beta perchaya bahawa sa-orang Islam itu akan mendapat munafaat daripada ajaran2 ugama Islam dalam pembentokan diri-nya selaku

Lihat muka 20



KEBAWAH DYMM di-perkenalkan kapada ketua2 pasokan yang mengambil bahagian.

## Manis-nya Iman

"BAGI tiap2 sa-suatu itu ada asas-nya. Asas ugama Islam ia-lah kasehkan Rasulullah s.a.w. dan kerabat2 Baginda."—HADITH Nabi di-riwayatkan daripada Sayidina Anas r.a.

Pelita Brunei
DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU
AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

29HB. DISEMBER, 1982

*Dengan nama Allah yang pemurah dan maha penyayang*

## CHITA2 KEISLAMAN:

## TIDAK SA-PATUT-NYA TIMBUL WAHAM

Dasar Kerajaan berhubong dengan Ugama Islam ia-itu ugama rasmi negeri ini ada-lah jelas. Chita2 terhadap-nya dalam kaitan-nya dengan kemasharakatan dan kenegaraan sudah pun di-ketahui umom. Sebutan2 saperti ''Islam sa-bagai chara hidup'' dan ''Islam sa-bagai ideologi negara'' sa-benar-nya sudah merupakan lebeh dari sa-kadar chita2 apabila di-perengkat Kerajaan dan orang ramai usaha menghayati ajaran Islam itu sedang berterusan.

Uchapan Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar sa-waktu merasmikan Pertandingan Membacha Al-Kor'an di-antara Jabatan Perhubongan-Pengangkutan baru2 ini tidak sa-patut-nya di-fahamkan sa-bagai mempunyai nada yang lain di-luar dasar serta chita2 yang sedia ada itu. Penegasan bahawa kita tidak lagi menghadapi masaalah untok menetapkan bila sa-harus-nya memulakan pelaksanaan Islam sa-bagai landasan peratoran dan undang2 bukan-lah perkara yang baru. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan sa-laku Pemerentah Tertinggi sudah pun sekian lama mengorniakan titah supaya Islam di-jadikan suatu chara hidup di-negeri ini. Kerana itu tidak sa-patut-nya timbul sa-barang kewahaman di-kalangan mana2 pehak apabila 'di-kejutkan' oleh seruan atau penegasan yang pada hakikat-nya sa-lari dengan maksud titah yang di-korniakan itu.

Yang perlu sekarang, sa-bagaimana yang di-tegaskan oleh Yang Amat Berhormat ia-lah keazaman semua perengkat bagi menyertakan diri masing2 dalam proses berchara-hidupkan Islam itu menurut bidang masing2 kerana dasar yang di-tentukan oleh negara telah pun kita terima sa-penoh-nya. Sa-tentu-nya keazaman sa-demikian itu akan bermula dari keyakinan bukan sahaja terhadap ketinggian dasar yang di-titahkan bahkan lebeh utama ia-lah terhadap kepentingan negeri ini untok menjayakan dasar tersebut. Dari keyakinan dan keazaman yang tersebut itu-lah hendak-nya kita akan menggunakan keupayaan menurut kadar dan perengkat yang kita di-takdirkan menguasai-nya demi menjayakan dasar negara dalam menuju pelaksanaan Islam itu sa-bagai landasan peratoran dalam ertikata chara hidup yang menyeluroh.

Mungkin berbangkit kewahaman di-kalangan berbagai perengkat rasmi pada mengambil sa-barang daya usaha. Ada-lah di-mengerti alasan bahawa undang2 atau peratoran yang berjalan serta di-ikuti dalam bidang kuasa masing2 ada yang tidak membolehkan daya usaha. Tetapi sangat sukar untok di-perchayai jika suasana dan kedudokan yang terdapat dalam Kerajaan pada masa ini di-rasakan tidak mengizinkan untok siapa2 menchuba mengambil daya usaha menurut kadar-nya. Hasrat untok menjadikan Islam sa-bagai chara hidup ada-lah datang-nya daripada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan dan penegasan-nya yang berterangan2 oleh pemimpin2 tinggi Kerajaan termasok-lah saperti yang di-ketarakan lagi oleh Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar dalam uchapan-nya sudah sa-layak-nya menjadi alasan serta dorongan dalam apa jua usaha bagi menjadikan Islam itu dominan ka-atas semua aspek kehidupan di-negeri ini.

Sa-tentu-nya kita sa-lama ini telah bersikap sederhana yang mana kesederhanaan itu-lah sa-benar-nya bertanggong-jawab menimbulkan suasana kelslaman yang harmoni sa-takat ini. Dalam hubongan ini apa pun yang kita suarakan tentu-lah maseh juga dalam ertikata sikap yang sederhana itu. Kerana itu sa-kali lagi nada uchapan Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar yang menegaskan lagi kepentingan semua perengkat menentukan azam serta keyakinan masing2 dalam menjayakan chita2 kelslaman yang sudah merupakan dasar yang di-terima itu tidak-lah sa-patut-nya menimbulkan sa-barang kewahaman.

## Ranchangan Kerajaan:

# ORANG RAMAI HARUS PANDAI MENILAI DAN MENGHARGAI

UCHAPAN penanggohan YAB Pemangku Menteri Besar di-sidang Majlis Mashuarat Negeri pada 14hb. Disember yang baru lalu.

*Peramba berharap tidak akan ada sa-barang pendudok dan raayat di-negeri ini yang kerja-nya hanya mengintai kesilapan kerajaan, dan bila tiba kejayaan kerajaan, mereka pura2 tidak mengetahui....*

Assalamualaikum Warahmatullahi Warabarakatuh, Yang Amat Mulia Pengiran Speaker, Ahli-Ahli Yang Berhormat, alhamdulillah, terlebeh dahulu peramba menjunjong kaseh ka-atas kornia tuan peramba, membolehkan peramba menyembahkan sa-banyak sedikit dalam agenda yang di-hadapi ini dan peramba bagi pehak Ahli2 Yang Berhormat di-sebelah sini dengan hati yang tulus ikhlas menyembahkan, junjong kaseh dan tahniah kapada tuan peramba kerana dengan kebijaksanaan tuan peramba-lah dan dengan izin Allah jua permashuaratan dari hari pertama sa-hingga sekarang telah berjalan dengan lanchar dan lichin dengan penoh bersefahaman dan kerjasama dari semua pehak yang mana menurut rekod beberapa tahun kebelakangan ini pertama kali-nya kita dapati Majlis ini dapat meluluskan tidak kurang daripada enam belas undang2 yang sa-tiap satu-nya mempunyai kepentingan yang tersendiri yang mana undang2 ini Insha Allah akan menjadi salah satu daripada usaha bagi menetapkan masa akan datang terhadap keharmonian dan kemakmoran-nya.

Yang Amat Mulia Pengiran Speaker, sejak hari yang pertama sa-hingga hari ini banyak perbahasan telah di-timbulkan mengenai berbagai2 tajok dan masaalah. Dalam proses perbahasan itu timbul beberapa kritik. Ada yang membena dan ada pula yang merasakan sentimen pada meluahkan kegeraman hati terhadap sa-suatu isue. Perbahasan saperti ini memang lazim berlaku di-Majlis ini pada tiap2 kali persidangan-nya. Tetapi apa yang ketara pada peramba ia-lah asas2 perbinchangan pada kali ini, sa-lain dari kalongan2 bunga dan penghargan2 yang di-dzahirkan, lebeh sandat serta antara-nya acceptable sa-kurang2-nya untok renongan kerajaan, kalau pun pandangan2 itu tidak dapat di-terima. Peningkatan ini ada-lah sa-jajar pada pendapat peramba, dengan ketuaan yang telah terchapai dan peramba berdo'a dengan penoh keyakinan taraf dan asas perbahasaan ini akan terus meningkat pada masa yang akan datang.



YAB Pemangku Menteri Besar, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz.

Yang Amat Mulia Pengiran Speaker, berchakap mengenai dengan kritik2 yang di-hadapkan, kita semua mesti-lah menyedari bahawa tenaga penggerak kapada sa-sebuah Kerajaan ia-lah manusia biasa. Dengan kata lain ia-lah pegawai2 dan kakitangan Kerajaan. Tinggi rendah-nya kualiti pemikiran dan tindakan pada melaksanakan ranchangan2 sa-sebuah Kerajaan itu ada-lah tergantong kapada kualiti pemikiran dan commitment yang di-mileki oleh sa-tiap pegawai dan kakitangan Kerajaan dalam menyadangkan tanggong-jawab sa-mata2 kerana Allah.

### PANDAI MENILAI

Dalam pada itu, Yang Amat Mulia Pengiran Speaker, Ahli2 Yang Berhormat serta orang ramai juga tidak dapat melarikan diri daripada tanggong-jawab yang baru di-mileki dalam usaha perkembangan (ia-lah kita harus sama2 pandai menilai dan tahu menghargai serta bersedia menyambut baik ranchangan2 Kerajaan yang berkebajikan). Dalam menilai dan menyambutkan baik kemunafaatan sa-suatu ranchangan itu, Ahli2 Yang Berhormat serta orang ramai jangan-lah hendak-nya menumpukan pandangan hanya kapada

*UNTOK makloman, Sidang Pengarang menuntut maaf bahawa uchapan penanggohan YAB Pemangku Menteri Besar yang kami siarkan minggu lalu ada-lah sambongan dari apa yang kami siarkan minggu ini.*

kesilapan sahaja dan mengenepikan perkara2 yang baik. Sa-kira-nya terdapat kesilapan, kesilapan itu perlu di-atasi sa-baik2-nya dengan chara yang halus sa-belum mendatangkan kemudharatan.

Yang Amat Mulia Pengiran Speakar, dalam pada itu, hasil kebaikan yang telah di-nekmati tidak sa-mesti-nya pula akan langsong di-lupakan kerana ada-nya sedikit kesilapan atau dengan kata lain sebab nila sa-titik rosak santan sa-belanga. Sa-kira-nya amalan saperti ini akan menjadi kebiasaan, peramba perchaya Yang Amat Mulia Pengiran Speaker ia akan menimbulkan pembawaan sensitif atau tawar hati di-kalangan pegawai2 dan kakitangan Kerajaan. Pekerja yang tawar hati (discourage) akan kurang inisiatif2 dan kurang imaginasi dan innovation dalam menjalankan tanggong-jawab mereka. Dengan kata lain pegawai2 dan kakitangan Kerajaan memerlukan penghargaan dan senyuman pada masa2 kejayaan-nya. Di-beri tamthil tauladan pada masa2 kesilapan-nya. Di-mana jua pun kerajaan di-dunia ini ada dengan sukses story-nya atau kejayaan-nya dan ada pula pelanda-nya atau kesilapan-nya, tiada gading yang tidak retak.

### MENGINTAI KESILAPAN

Bagi Kerajaan di-negeri ini kejayaan-nya dapat juga di-saksikan, tapi di-samping itu ada juga kesilapan-nya, yang mana kesilapan itu, bukan-lah perkara yang tidak dapat di-usai. Kerana pada pendapat peramba, Yang Amat Mulia Pengiran Speaker, sa-lagi sa-suatu masaalah itu di-timbulkan oleh manusia dengan izin Allah sa-patut-nya boleh di-selesaikan oleh manusia jua. **Peramba berharap tidak akan dapat sa-barang pendudok dan raayat di-negeri ini yang kerja-nya hanya mengintai kesilapan Kerajaan,** dan bila tiba kejayaan Kerajaan, mereka pura-pura tidak mengetahui atau pun bila mereka mengetahui-nya berchakap-lah mereka, bahawa itu memang tanggong-jawab Kerajaan. Peramba tidak berniat untok mengketengahkan bahawa pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan itu perlu di-puji pada sa-tiap masa. Apa yang peramba ingin tekankan ia-lah perkara yang benar jangan di-lihat pada yang silap, dan perkara yang baik jangan di-lihat perkara yang burok, Negeri Brunei Darussalam serta isi di-dalam-nya memerlukan amalan yang sehat dan sesuai untok suasana perkembangan yang pesat yang sedang di-lalui, Alhamdullilah di-waktu itu maka Yang Amat Mulia Pengiran Speaker, dengan itu peramba sa-kali lagi menjunjong kaseh atas kesem-

Lihat muka 3

# GEDONG2 MEMBELI-BELAH MAKIN BERTAMBAH

OLEH: ZUBAIDAH H.S.

BANDAR SERI BEGAWAN. — YAM Pengiran Lela Cheteria Sahibon Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bin Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar melahirkan rasa bangga kerana makin bertambah-nya gedong2 membeli-belah yang terbesar dan termoden di-negeri ini.

Menurut Yang Amat Mulia, dengan ada-nya berbagai2 kemudahan dan kualiti barang2 yang memuaskan yang terdapat di-gedong2 tersebut ia-nya akan dapat menarek dan memuaskan hati para pelanggan yang terdiri dari orang2 tempatan dan pelanchong2 untok membeli-belah, dan ini menunjokkan betapa maju-nya orang kita Melayu dalam bidang perniagaan.

Beruchap merasmikan Pembukaan Gedong Perniagaan Klasse Jaya disini pada hari Ahad 19hb Disember lepas, Yang Amat Mulia itu menggesa kapada pekerja2 di-gedong tersebut supaya menunjokkan semangat yang chergas dan tidak lalai pada memberi layanan yang baik terhadap orang ramai yang datang membeli-belah di-gedong tersebut.

"Ini ada-lah perlu, kerana pada masa ini sudah banyak mini2 market dan super2 market di-mana kemudahan 'service' dan layanan-nya ada-lah sangat baik" sabda-nya.

Yang Amat Mulia berharap, dengan wujud-nya gedong perniagaan ini sudah sa-tentu-nya peluang2 pekerjaan terbuka luas kapada sa-bilangan raayat di-negeri ini.

Kerana, sabda Yang Amat Mulia usaha saperti ini-lah sa-memang-nya diharapkan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan untok membantu raayat dalam usaha2 yang berkebajikan.

Terdahulu dari itu, uchapan alu2an telah disampaikan oleh Haji A. A. Hapidz Laksamana sa-laku pengerusi dan bagi pehak Lembaga Pengarah Gedong Perniagaan Klasse Jaya Brunei, berkata bahawa dengan pembukaan rasmi Klase Jaya itu ianya merupakan yang kedua di-buka di-Brunei oleh Emporium Holding Group bersama2 dengan peniaga2 bumiputera.

Menurut-nya, gedong ini mempunyai kemudahan2 tempat membeli-belah yang termoden dan selesa dengan barang2 yang beraneka macham dan bermutu tinggi.

Sa-lain dari itu, Klasse Jaya juga menyediakan peluang2 pekerjaan kapada raayat dan pendudok negeri ini dengan memberi latehan2 praktikal bagi membolehkan pekerja2 tempatan melayakkan diri bagi memegang jawatan2 yang penting dalam bidang perniagaan.

Haji A. A. Hapidz Laksamana berharap, peluang2 demikian akan dapat diambil oleh pemuda pemudi kita, supaya jangan samata2 mengharapkan bekerja kapada kerajaan sahaja, dan dengan demikian kita tidak akan bergantong kapada tenaga asing dalam mengendalikan ekonomi negeri ini.

Pelita di-fahamkan bahawa Gedong Perniagaan Klasse Jaya ini memulakan perniagaan-nya pada dua bulan yang lalu. Dan ini merupakan kumpolan gedong membeli-belah yang terbesar sa-lain di-Singapura, Malaysia dan Hongkong.

Penyampaian hadiah kenang2an kapada Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibon Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz telah di-sampaikan oleh Haji A. A. Hapidz Laksamana.

Hadhir sama dalam majlis itu ia-lah YAM Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar, Ahli2 Yang Berhormat, Yang Amat Mulia Pengiran2 Cheteria, ahli2 perniagaan bumiputera, pegawai2 kanan kerajaan dan lain2.



PENGERUSI majlis, Awang Haji A. A. Hapidz Laksamana menyampaikan chenderamata kenang-kenangan kapada YAM Pengiran Lela Cheteria Sahibon Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz.



YAM Pengiran Lela Cheteria Sahibon Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz sedang memotong pita sa-bagai menandakan perasmian pembukaan Gedong Perniagaan Klasse Jaya.

## Perkhidmatan perubatan udara

BANDAR SERI BEGAWAN. — Perkhidmatan Perubatan yang menggunakan pesawat helikopter akan meneruskan lagi perkhidmatan-nya ka-kawasan2 pendalaman pada bulan Januari tahun hadapan.

Perkhidmatan itu akan berada di-Kampong Mapol Baru dan Merimbun di-Daerah Tutong pada 3hb. Januari 1983, di-Kampong Lopat, di-Daerah Temburong pada 4hb. Januari 1983, di-Kampong Biang Menengah dan Lamaling, Temburong pada 5hb. Januari 1983.

Pada 10hb. Januari 1983 mereka akan berada di-Daerah Tutong ia-itu di-Kampong Panchong dan di-Kampong Ukong pada 11hb. Januari 1983. Pada 12hb. Januari mereka akan berada di-Kampong Sukang, Daerah Belait, pada 17hb. Januari mereka akan berada di-Kampong Belabau, Tutong, pada 18hb. Januari di-Kampong Melilas, Belait dan pada 19hb. Januari di-Kampong Supon Besar, Tutong.

Sa-terus-nya pada 24hb. Januari mereka akan berada di-Kampong Long Mayan dan Supon Kechil, Tutong, pada 25hb. Januari mereka akan berada di-Kampong Bukit, pada 26hb. Januari di-Kampong Teraja dan Apak2, Belait dan akhir sekali pada 31hb. Januari 1983 perkhidmatan itu akan berada di-Kampong Buau, Belait.

## Meninggal sa-masa latehan

MUARA. — Sa-orang anggota Askar Melayu Diraja Brunei, Awang Samsu bin Lamit (6873) berasal dari Kampong Panchor Murai Daerah Brunei-Muara telah meninggal dunia dalam satu kemalangan ketika menjalani satu latehan di-perayeran Muara pada hari Isnin, 20hb Disember lepas.

Peristewa itu berlaku kira2 jam 9.30 pagi dan mayat-nya telah di-jumpai oleh Pasokan Penyelam2 AMDB kira2 jam 11.45 pagi pada hari itu juga. Jenazah Allahyarham Samsu telah selamat di-kebumikan pada hari itu dengan penoh penghormatan tentera.

Berikutan dengan peristewa itu Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei telah menubohkan Lembaga Penyiasat untok menyiasat mengenai puncha2 kemalangan itu berlaku.

Allahyarham Awang Samsu bin Lamit berumor 21 tahun telah berkhidmat dengan Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei lebeh kurang sa-tahun. Beliau meninggalkan sa-orang balu.

## Ranchangan Kerajaan

Dari muka 2

patan yang telah tuan peramba korniakan dan terta'alok-lah kapada pertimbangan tuan peramba jua, **peramba akan menjunjong sekali lagi keizinan untok menyembahkan atau menyambong uchapan penanggohan ini sa-lepas sahaja** Ahli-Ahli Yang Berhormat yang lain menyembahkan hujjah-hujjah-nya, kemudian yang peramba ingin tekankan sekali lagi ia-lah sembah peramba ini sabenar-benar-nya lahir daripada hati yang ikhlas semata-mata untok memohon keredhaan Allah. Terima kaseh.

## Pendaftaran bagi City and Guilds Mei-Jun 1983 di-buka

BANDAR SERI BEGAWAN. — Permohonan2 mula di-buka mulai sekarang untok memasoki Pepereksaan City and Guilds, Institiut London untok bulan Mei dan Jun 1983 dalam mata pelajaran2 tertentu.

Chalun2 sekolah boleh mendapatkan borang permohonan dari Pengetua2 Sekolah Pertukangan Bangunan Saiful Rizal, Jalan Muara; Sekolah Kejuruteraan Jefri Bolkiah, Kuala Belait dari Ketua Jabatan Latehan dan Perkembangan, Sharikat Minyak Shell, Seria.

Manakala chalun2 persendirian ada-lah juga di-pelawa untok menyertai pepereksaan tersebut dan mereka boleh mendapatkan borang2 permohonan dari Pejabat Lembaga Pepereksaan Brunei, di-Lapangan Terbang Lama Berakas mulai pada hari Isnin, 27hb. Disember hingga 15hb. Januari depan.

Semua bayaran2 masok boleh di-jelaskan melalui bayaran tunai atau chek ka-Pejabat Lembaga Pepereksaan Brunei.

Semua permohonan2 yang telah di-penohkan hendak-lah di-sertakan dalam sijil kebenaran masok yang di-keluarkan oleh Pejabat Lembaga Pepereksaan Brunei dan hendak-lah sampai ka-pejabat berkenaan tidak lewat sa-hingga 15hb. Januari, 1983.

# MAHKAMAH ANTARA BANGUNAN PENTING DALAM PEMBENAAN



Oleh :
PG HIDOP HS

Gambar :
PG YAKOP PMH

SA-BUAH negara terutama bila sudah merdeka, tidak akan sempurna kalau segala keperluan saperti infrastruktur, kebajikan, sosial dan ala pentadbiran bagi kesejahteraan raayat selurohnya tidak di-titek beratkan.

Oleh itu menjelang kemerdekaan yang akan di-tempoh, pelbagai bentok pembangunan terutama penyusunan bangunan pejabat2 kerajaan, keamanan, ketenteraman, perhubongan, pelajaran dan sabagai-nya sedang giat di-jalankan.

Projek2 pembenaan saperti pembesaran jalan-raya, pembenaan sekolah2, pembenaan rumah sakit besar yang sekarang telah hampir selesai dan lain2 lagi ada-lah kebanyakan-nya tertumpu di-ibu negeri yang menjadi pusat pemerentahan.

Di-antara projek2 yang akan menjadi pusat bagi melichinkan jentera pentadbiran kerajaan itu, salah satu yang penting ialah pembenaan bangunan Mahkamah Tinggi Brunei yang 50 peratus kerja2-nya telah pun siap ketika ini.

Keselurohan kerja bagi bangunan yang akan mengawal perjalanan undang2 demi menjaga ketenteraman awam itu adalah di-bawah pengawasan Jabatan Kerja Raya Brunei yang mana bertanggong-jawab ka-atas semua sudut kesempurnaan pembenaan-nya.

Menurut Awang Hamidon bin Haji Tahir, salah sa-orang jurutera JKR yang bertindak sa-laku pengawal projek tersebut menyatakan, kerja2 perengkat pertama bagi mendinding sungai serta menembok tanah telah bermula pada 5hb Ogos, 1980 dan selesai pada 31hb Mei 1982. Kerja2 itu telah dijalankan oleh PLW Pg Haji Yusof bin Pg Md Limbang Construction iaitu salah sa-buah pemborong tempatan.

Sementara itu kerja2 bagi mendirikan bangunan tersebut hanya bermula pada 23hb Februari 1981 dan di-jadualkan selesai pada 23hb Ogos 1983.

Bagaimana pun menurut Awang El Wee, Pengurus projek bagi Hong Lee Construction ia-itu pemborong yang menjalankan pembenaan-nya sunggoh pun bangunan itu akan selesai dalam tempoh yang di-janjikan tetapi kemungkinan waktu penggunaan bangunan itu akan tergendala dalam beberapa waktu.

Ini jelas-nya ada-lah kerana kerja2 menyalorkan perkhidmatan2 saperti ayer, letrik, talipon disamping kerja2 perengkat kedua bagi mendinding sungai dan menembok tanah bagi membena jalan masok yang sa-patut-nya sudah berjalan, hingga kini belum dapat di-laksanakan oleh kerana menunggu pemindahan pendudok2 kampong yang terlibat dalam tapak pembangunan tersebut.

Menurut beliau kerja2 yang terjejas termasok kerja2 pemaritan dan penyaloran ayer ada-lah merupakan 60 peratus daripada keselurohan kerja2 bahagian luar.

Bangunan indah yang di-rekabentok oleh Akitek International Project Consultant ada-lah di-gubah oleh sa-orang akitek terbaik yang telah di-pileh oleh jawatankuasa pemilehan dari 10 orang akitek terbaik dalam satu peraduan mereka bentok bangunan tersebut yang diadakan sa-belum-nya.

Bangunan tiga tingkat yang serba indah bentoknya itu menelan belanja hampir 22 juta ringgit dan di-dirikan di-atas tanah sa-luas 6 ekar terletak di-Jalan Tutong kira2 satengah batu perjalanan dari Mahkamah Besar yang ada sekarang.

Apabila siap nanti ianya akan hanya berbentok satu blok bangunan sahaja, manakala sebelah dalam-nya mengandongi empat tingkat bangunan termasok satu bangunan bawah tanah bagi penarohan kereta pegawai2 berkenaan.

Bangunan ini akan mengandongi tiga buah mahkamah majistret dan bahagian atas-nya akan ditempatkan mahkamah tinggi yang mana kesemuanya berbentok 'Octagonal Design' ia-itu penyusunan kerusi lapan penjuru yang mana di-reka khas untok memberikan keselesaan serta untok menempatkan pehak2 yang terlibat didalam sa-tiap perbicharaan berdekatan di-antara satu dengan lain.

Sa-lain dari itu bangunan ini juga mempunyai lapan bilek tahanan, sementara bilek2 pejabat majistret dan hakim, bilek menyalin pakaian, perpustakaan bagi peguam, bilek pendaftaran dan lain2 disamping sa-buah kanten khas bagi pegawai2 mahkamah.

## PMK MB BUAT TINJAUAN



YAB Pemangku Menteri Besar sedang mendengar penerangan mengenai bangunan tersebut dari wakil International Project Consultant. Di-belakang kelihatan YB Pemangku Setiausaha Kerajaan.

YANG Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz telah melakukan tinjauan ka-tapak pembenaan tersebut baru2 ini.

Yang Amat Berhormat telah di-sertai oleh Pemangku Setiausaha Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Awang Abdul Rahman.

Kedua2 Yang Amat Berhormat dan Yang Berhormat telah di-alu2kan oleh salah sa-orang wakil International Project Consultant yang merupakan badan perunding yang bertanggong-jawab bagi mereka bentok bangunan tersebut.

Dalam lawatan sengkat itu Pemangku Menteri Besar dan Pemangku Setiausaha Kerajaan telah di-bawa menyaksikan semua bahagian2 yang terkandong dalam bangunan tersebut yang mana keselurohan-nya maseh dalam proses pembenaan.

Juga serta dalam lawatan tersebut ialah Pengarah Jabatan Kerja Raya Brunei, Yang Berhormat Pengiran Ismail bin Pengiran Haji Damit dan lain2 pegawai kanan kerajaan.

Dalam menchari kemewahan:

# HUKOM ISLAM JANGAN DI-LUPAKAN




MARI-LAH kita terus bertakwa kapada Allah s.w.t. dengan taat menjunjong titah perintah dan menjauhi segala larangan-Nya.

Sa-bagai ubat menyedarkan jiwa kita yang selalu lalai, mari-lah kali ini kita meneliti sa-buah hadith Rasulullah s.a.w. Hadith itu menyebutkan tentang kedatangan suatu masa, di-mana orang2 Islam tidak lagi menghiraukan hukom2 ugama. Mereka hidup saperti orang2 kafir, terutama perkara menchari harta, menchari kemewahan dan keseronokan hidup tanpa mengikut hukom shariat Islam. Sabda Rasulullah s.a.w. daripada sahabat Abu Hurairah r.a. yang bermaksud : *"Akan datang suatu masa atau zaman, di-mana sa-seorang itu (orang Islam) tidak lagi menghiraukan samada yang di-dapati-nya itu dari yang halal atau yang haram."* — Hadith riwayat Bukhari.

Membacha dan meneliti hadith ini akan memberi kesan yang kuat kapada kita, bahawa apa yang di-sabdakan oleh Rasulullah itu merupakan suatu berita ghaib, mukjizat dan wahyu yang benar daripada Allah s.w.t. Ia-nya telah terbokti, bahawa zaman yang di-maksudkan itu sudah tiba sekarang. Orang2 Islam sudah mengabaikan hukom2 ugama. Mereka meninggalkan sifat2 muslim dan sa-balek-nya mengamalkan sifat2 bukan Islam yang di-larang oleh Allah.

### MENIRU

Orang2 Islam telah banyak mengikut orang2 bukan Islam sa-hingga sampai meniru sifat2 dan kelakuan mereka itu. Makan minum tidak kira halal atau haram. Berlumba dan menchari kemewahan hidup dengan tidak memperhitongkan halal atau haram. Asalkan dapat dan terchapai maksud, itu-lah yang penting. Kerana itu ada orang Islam yang main judi, makan riba' dan rasuah, berniaga asal untong, tidak kira halal atau haram. Apa jua charanya, maka keuntongan-lah yang penting tidak kira samada chara itu di-benarkan oleh ugama atau pun tidak.

Sa-lain dari itu, orang Islam sudah tidak gemar di-ikat dengan hukom2 ugama, lebeh2 lagi di-dalam chara hidup sahari2 yang di-anggap mereka perkara yang tidak perlu di-pertikaikan lagi. Saperti dalam hal pakaian dan makan minum, orang Islam sa-tengah-nya marah kalau kita berchakap banyak mengenainya. Orang menjadikan perkara itu sa-kechil2 perkara, sedang Allah tetap memandang perkara besar yang di-sebut-Nya berulang2 di-dalam Al-Kor'an.

### AKHIR ZAMAN

Demikian-lah satu2-nya tanda akhir zaman, di-mana kita sekarang telah sampai ka-satu tahap masa yang di-sebutkan oleh Nabi, bahawa orang2 Islam tidak memperdulikan lagi hukom halal haram, nama tetap Islam, tetapi kelakuan, tindak tandok dan chara hidup telah meniru dan mengikut orang2 bukan Islam.

Sa-patut-nya keadaan sa-macham ini lebeh banyak menyedarkan kita, supaya sa-bagai orang2 Islam jangan terus hanyut dan tenggelam begitu saja di-dalam gelombang menurutkan arus zaman lupa kapada ugama. Jika demikian dalam zaman ini ramai orang Islam yang roboh pegangan ugamanya, maka biar-lah kita menjadi baki-nya yang maseh tegoh berugama. Jangan kita perkechilkechilkan hukom Allah Ta'ala, ajaran2 ugama-Nya sa-mata2 kerana kita mahu bebas tidak ingin di-kongkong oleh batas2 ugama itu. Peratoran Allah tidak ada yang boleh di-katakan perkara kechil, walaupun nampak-nya perkara itu kechil pada nilai otak kita. Sa-tiap peratoran dan hukom Allah Ta'ala, ada rahsianya, dan kita bukan-lah pakar yang mampu mendatangkan-nya.

## Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 29hb Disember, 1982 hingga ka-hari Selasa 4hb Januari, 1983 ada-lah saperti di-bawah ini : —

| Hari Bulan | Dzuhor | Asar | Magrib | Isha | Imsak | Suboh | Matahari Terbit |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 29hb Dis | 12.28 | 3.47 | 6.24 | 7.39 | 4.54 | 5.09 | 6.27 |
| 30hb Dis | 12.28 | 3.47 | 6.24 | 7.39 | 4.54 | 5.09 | 6.27 |
| 31hb Dis | 12.28 | 3.47 | 6.24 | 7.39 | 4.54 | 5.09 | 6.27 |
| 1hb Jan | 12.30 | 3.50 | 6.27 | 7.40 | 4.57 | 5.12 | 6.29 |
| 2hb Jan | 12.30 | 3.50 | 6.27 | 7.40 | 4.57 | 5.12 | 6.29 |
| 3hb Jan | 12.30 | 3.50 | 6.27 | 7.40 | 4.57 | 5.12 | 6.29 |
| 4hb Jan | 12.30 | 3.50 | 6.27 | 7.40 | 4.57 | 5.12 | 6.29 |

Waktu2 sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai dari pukol 12.45 tengah hari.

"Biar kuno, tetapi selamat — daripada maju, tetapi terjerat"

# BERHATI2 BELI BARANG KEPERLUAN

Se-suatu yang indah dan menarik perhatian di-samping ketahanan-nya akan mudah menarik minat kita pada mendampingi-nya baik ia-nya di-gunakan untok perhiasan mahu pun ia-nya di-gunakan untok keperluan sahari2 ini termasok-lah perkara2 yang di-tegah dalam Islam akan ketentuan halal haram-nya. Umpama-nya sahaja, di-suatu ketika dulu heboh masharakat Islam memperkatakan tentang berus gigi yang di-perbuat daripada bulu babi. Sabelum timbul kehebohan tersebut boleh di-katakan kebanyakan orang2 Islam yang menggunakan berus gigi tidak mengambil berat akan apa jenis bahan yang di-perbuat untok berus gigi mereka.

Perkara ini timbul ia-lah kerana kebanyakan berus gigi itu mempunyai keterangan pada tangkai atau kotak-nya yang menyebutkan umpama-nya ia di-buat daripada 'bristle'. Dalam istilah bahasa melayu 'bristle' itu ia-lah bulu babi. Tetapi bagaimana chara-nya orang2 Islam tidak mengetahui-nya sa-belum itu, ini mungkin pengguna2 yang berugama Islam tidak mengerti istilah 'bristle' yang sa-benar-nya walau pun pada dzahir-nya makna perkataan 'bristle' itu ia-lah bulu keras, namun sa-telah di-amatamati yang di-maksudkan bulu keras itu ia-lah bulu babi. Lantaran kurang pemahaman terhadap itu-lah pengguna2 yang berugama Islam terus membeli dan menggunakan-nya. Sa-hingga-lah makna perkataan itu di-ketahui sa-chara meluas dan di-perbinchangkan di-dalam surat2 khabar baharu-lah orang2 Islam tidak membeli-nya. Sekarang masaalah tersebut telah reda, kerana orang2 Islam tidak perlu bimbang yang mana hampir semua-nya kini bulu2 berus gigi telah di-perbuat daripada plastik.

Kemudian beralih kita kapada masaalah minyak yang di-gunakan untok memasak, menggoreng dan sa-bagai-nya. Biasanya suri2 rumah-tangga Islam sering di-daayahkan oleh para penjual di-kedai2 yang menjual bahan2 runchit khusus-nya kedai2 yang selalu-nya di-datangi oleh orang2 asing yang bukan berugama Islam, kerana pada hemat mereka kalau membeli di-kedai2 sa-umpama itu mereka merasa bangga sebab mereka mampu menyaingi bangsa2 asing untok membeli di-kedai2 yang di-sifatkan bertaraf 'first class'. Konon-nya jika mereka menggunakan minyak masak chap itu dan chap ini ada lebih baik dan menyedapkan apa jua rupa masakan, tetapi sa-balek-nya mereka tidak menyedari bahawa salah satu bahan yang di-pergunakan untok menghasilkan minyak masak itu ia-lah di-perbuat daripada 'lard'.

### "SI-URU2"

Oleh kerana sa-tengah wanita2 Islam kurang penelitian terhadap satu2 bahan yang di-gunakan untok menghasilkan sa-suatu barang itu lantas dengan sifat sa-bagai 'si-uru2' terus sahaja membeli minyak masak yang di-daayahkan kapada mereka itu tanpa mengetahui bahawa champoran untok menghasilkan minyak masak itu terdiri dari 'lard'. (lemak babi). Ini-lah sa-suatu yang harus di-teliti sa-belum kita khusus-nya wanita2 Islam yang berbangsa Melayu membeli minyak untok memasak atau menggoreng.

Dalam pada itu ada bermacham2 lagi benda haram dan najis yang mungkin telah termakan atau terpakai oleh kita. Mithalan-nya kasut atau beg2 yang di-datangkan dari luar negeri, sa-tengah-nya barang2 tersebut ada yang di-perbuat daripada kulit babi, kerena perkara ini dapat di-kesan melalui tulisan2 yang di-chapkan atau di-tuliskan di-barang2 tersebut yang biasa-nya di-letakkan di-tempat yang sulit, tetapi bagi mereka yang kuat penelitian-nya perkara tersebut mudah di-lihat dan di-bacha.

Demikian juga dengan alat2 solek, kita tidak akan tahu sama ada ia-nya haram atau najis. Tetapi jika kita teliti dengan sa-dalam2-nya sa-belum membeli-nya perkara ini dapat di-atasi. Sa-bagai chontoh, baru2 ini tersebar di-dalam akhbar di-negara jiran kita, bahawa salah sa-buah persatuan pengguna di-negeri jiran kita itu telah mendedahkan perbuatan sa-tengah2 hospital menjual uri atau tabuni ibu2 bersalin kapada sharikat2 luar negeri yang mana uri atau tabuni itu akan di-proses untok di-jadikan bahan bagi membuat alat2 solek, kerim rambut dan bahan2 ubat. Maka timbul daripada hal sa-demikian beberapa orang ulama di-negara jiran kita itu telah memutuskan bahawa uri dan tabuni ibu2 bersalin itu ada-lah najis dan tidak boleh di-gunakan oleh orang2 Islam terutamanya untok di-bawa sembahyang. Jika pun di-gunakan ia-nya hendaklah di-chuchi sa-berseh2-nya sa-belum melakukan fardhu sembahyang.

**Bingkisan minggu ini**

### BARANG NAJIS

Itu-lah di-antara perkara2 yang bertentangan dalam Islam yang mana perkara sa-umpama itu harus kita sedari dan berhati2. Kerana tidak-lah kita ketahui keseluruhannya berapa banyak lagi barang2 yang najis, yang haram dan yang menjijikkan yang ada terjual di-pasaran, yang mana sa-tengah barang2 itu mengambil peranan penting dalam keperluan kehidupan kita sa-hari2.

Oleh yang demikian ada-lah bijak dan selamat bagi kita sa-bagai pengguna dan pembeli, bertanya terlebih dahulu kapada si-penjual akan mana2 jua barang atau bahan2 yang meragukan pada pandangan dan fikiran kita. Biar-lah kita menurut kata pepatah moden yang berbunyi 'Biar kuno, tetapi selamat; daripada maju, tetapi terjerat'.

# JAWATANKUASA SEKOLAH BERTUJUAN ERATKAN HUBONGAN GURU — IBU-BAPA

UCHAPAN PENGIRAN HAJI JALUDIN BIN PENGIRAN MOHD. LIMBANG, KETUA POS AGONG DI-HARI PELAJAR SEKOLAH DATO GANDI, JALAN KOTA BATU, BRUNEI, PADA HARI AHAD, 5HB. DISEMBER, 1982.

Alhamdulillah, saya bershukor kapada Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin-Nya jua kita dapat berkumpol beramai-ramai pada hari yang berbahagia ini. Saya sukachita menguchapkan sa-tinggi2 penghargaan dan terima kaseh kapada semua ahli2 jawatankuasa hari pelajar kerana telah menjemput saya ka-majlis yang permai dan berfaedah ini serta memberi kesempatan kapada saya bagi memberi sedikit uchapan di-Hari Pelajar Sekolah Dato Gandi pada hari ini.

Berdasarkan kapada thema hari pelajar tahun ini yang berbunyi "Kesempurnaan pendidekan ada-lah tanggong-jawab guru dan ibu-bapa," maka merujok kapada Surat Keliling Jabatan Pelajaran Bil: 60/1979 yang berhubong dengan penubohan atau pembentokan apa yang di-namakan Jawatankuasa Sekolah, di-mana Surat Keliling itu telah menekankan bertujuan supaya bermuafakatan yang baik dan memuaskan di-antara sistem sekolah/maktab dan orang ramai di-sekeliling-nya membaiki taraf, kelulusan, pelajaran dan pendidekan bagi sekolah/maktab berkenaan. Menyentoh mengenai dengan penubohan jawatankuasa sekolah yang di-hasratkan oleh Jabatan Pelajaran itu dengan bertujuan untok mengeratkan lagi hubongan di-antara guru2 dengan ibu-bapa dan penjaga penuntut2 bagi merundingkan perkara2 yang berkaitan saperti kemajuan pelajaran, peratoran dan disiplin, kelakuan, tata-tertib, aktiviti2 sekolah, perayaan2 sekolah, dan sa-bagai-nya, saya ingin menekankan kapada ibu-bapa dan guru2 sekalian bahawa di-kalangan kita mesti-lah terdapat kerjasama di-antara satu dengan lain berserta dedikasi dengan perasaan harmoni dan tanggong-jawab.

Awang2 dan Dayang2 yang saya hormati sekalian. Hari Pelajar di-adakan ada-lah bertujuan untok para ibu-bapa, guru2 dan penuntut2 supaya dapat berjumpa, berunding dan melihat sendiri akan aktiviti2 sekolah dengan hasrat bagi menyempurnakan lagi tanggong-jawab guru2 yang ada kapada yang lebeh baik dan lebeh berkesan. Masaalah2 dalam pendidekan tidak akan hapus sama sa-kali atau berkurangan tanpa ada-nya kerjasama yang erat dan yang tidak kendor2-nya di-antara ibu-bapa dengan guru2. Maka dengan sebab itu-lah kita perlu menghadapi bersama apa jua kerumitan yang timbul dengan perasaan yang ikhlas dan penoh dedikasi. Dengan bimbingan yang luhor penuntut2 boleh menjadi warga negara yang taat setia dan warga negara yang penoh berguna kapada negara dan yang sedia mempunyai sifat2 adab ketimuran saperti menghormati serta memeduli orang2 yang lebeh tua dari mereka, guru2 serta orang2 yang di-beri amanah.

Salah satu daripada faktor2 bagi penghampiran lebeh dekat dan mengenali akan masaalah2 pelajaran kita di-negeri ini ia-lah dengan mengadakan Hari Pelajar yang dulu di-kenal hari ibu-bapa. Pada hari ini, ia-itu hari dalam mana ibu-bapa serta penjaga2 murid2 sekolah berkumpol dan beramah mesra dengan guru2 dan pegawai2 Jabatan Pelajaran. Dengan ada-nya perjumpaan mesra ini di-pupok pula dengan approach kapada masaalah dengan perasaan yang ikhlas maka dapat-lah tiap2 satu pehak itu menchurahkan masaalah2-nya kapada pehak yang satu itu. Barang sudah tentu ini merupakan satu peluang yang keemasan yang tidak patut di-buang begitu saja. Ibu-bapa di-galakkan bagi melihat sendiri akan kegiatan2 anak biskita serta mengenal masaalah2 yang di-hadapi oleh guru2 di-sekolah.

Pada melaksanakan atau menunaikan kewajipan serta tanggong-jawab kita sa-laku ibu-bapa atau penjaga murid dalam melichinkan dan menjayakan maksud apa yang di-hasratkan bagi kejayaan anak2 kita terdapat beberapa faktor yang patut di-jadikan asas pemikiran dan yang lebeh utama ada empat:—

Pertama — Ibu-bapa patut tidak ada mempunyai perasaan atau tabiat atau attitude apa yang biasa di-sebut ketika ini, "malas tah ku ingau". Amalan atau "perambahan" yang sa-umpama itu sudah ketinggalan zaman dan tidak sa-wajar-nya di-jadikan "bidalan" pada masa sekarang. Apa-tah lagi menjelang-nya Negeri Brunei akan berdikari sa-lepas tahun 1983 di-mana kita akan menempoh zaman baru, maka sudah tiba masa-nya anak2 kita yang maseh berada di-bangku sekolah di-beri bimbingan yang lebeh sempurna untok menuju ka-arah matalamat yang sehat agar mereka dapat menanamkan semangat tanggong-jawab dan memajukan lagi negara kita Brunei Darussalam yang di-chintai ini supaya ia menjadi sa-bagai sa-buah negara yang di-galati di-mata dunia. Hasrat membimbing anak2 ini selaras dengan kata pepatah Melayu "melentor buloh biar-lah dari rebong-nya," begitu-lah andai-nya kapada kita ibu-bapa dan penjaga murid2 terhadap mereka.

Attitude "malas tah ku ingau" ada-lah pusaka orang2 yang suka mundor atau orang2 yang statik. Di-zaman perlumbaan ini atittude sa-demikian tidak lagi wajar dan sa-chuchok bagi orang2 yang sudah sedar dan ingin maju.

Hadhirin dan hadhirat yang di-hormati sekalian. Faktor yang kedua yang perlu saya nyatakan di-sini ia-lah berhubong dengan perasaan tanggong-jawab ibu-bapa terhadap pelajaran anak2 di-rumah, jangan hanya sa-takat "ambil indah tak indah" atau "taking for granted". Ini-lah attitude mengharapkan atau menyerahkan saja kapada orang lain. Maksud di-sini ia-lah daripada ibu-bapa kapada guru2. Apa yang kita mahu sekarang ini perasaan mengharapkan kapada orang lain itu tidak sa-mesti-nya lagi timbul, ibu-bapa sa-harus-nya-lah mengambil perhatian yang penoh terhadap mata pelajaran anak2 mereka, bukan hanya berpuas hati kapada apa yang di-ajarkan oleh guru2 di-sekolah kapada anak2 itu, itu-lah saja. Ibu-bapa sa-harus-nya meneliti atau mengawasi pelajaran2 mereka, samada mereka ada kerja2 homework di-rumah, berbinchang dengan anak2 terhadap mana2 perkara yang menjadi kemushkilan mereka dari sa-masa ka-semasa.

Pada dzahir-nya berharap kapada guru2 itu ada-lah pertanda baik tentang pengharapan ibu-bapa kapada guru2, akan tetapi pada praktis-nya bebanan guru2 menjadi banyak dan rumit lagi oleh kerana kerja2 sekolah dan pendidekan memerlukan kerjasama yang erat kedua2 belah pehak yang penting ini, ia-itu ibu-bapa dan guru2, bak kata pepatah hidup sandar menyandar, umpama aur dengan tebing. Dengan ada-nya ibu-bapa memaduli hal pelajaran anak2 di-dalam rumah maka bebanan guru2 di-sekolah itu menjadi rengan.

Guru2 tidak-lah boleh di-salahkan sa-penoh-nya sekira-nya pelajaran anak2 itu mundor oleh kerana pendidekan anak2 bukan-nya tertumpu di-sekolah, di-bilek2 darjah dan sekitar sekolah saja, bahkan juga di-rumah di-dalam kawasan dan jagaan ibu-bapa. Dari itu di-harapkan attitude "ambil indah tak indah" itu di-tiadakan sama sa-kali.

Faktor yang ketiga, ada-lah kapada anak2 dan murid2 sendiri ia-itu kamu hendak-lah mengambil apa2 kesempatan yang ada ketika ini yang di-dapati di-sekolah2. Kerajaan Duli Yang Maha Mulia sentiasa menyediakan kemudahan2 untok kemajuan pelajaran kamu saperti sekolah ini sendiri, guru2 yang berkemahiran serta beraneka rupa alat kelengkapan saperti khutub-khanah, makmal dan sa-bagai-nya yang boleh di-jadikan bahan2 rujokan dalam melengkapkan diri dalam bidang2 mata pelajaran tertentu. Peluang untok kamu sentiasa terbentang luas bagi menuntut ilmu pengetahuan. Peluang yang keemasan ini jangan-lah andai-nya di-abai2kan. Buat apa-kah Kerajaan berbelanja berjuta-juta ringgit sa-tiap tahun untok Jabatan Pelajaran — melateh guru2, membekal sekolah2 dengan kelengkapan yang chukup moden? Ini semua untok kamu. Negara kita maseh kekurangan tenaga dalam apa jua bidang. Dalam zaman sains dan teknoloji ini ilmu pengetahuan dan pendidekan yang tinggi ada-lah perlu untok di-selaraskan dengan hasrat kemajuan dan pembangunan negara yang akan menempoh zaman kegemilangan-nya. Dengan sebab itu-lah murid2 di-seru pula mesti berusaha meninggikan taraf pelajaran kamu untok memberikan jasa bakti sa-bagai balasan kapada negara.

Faktor yang ke-empat ia-lah di-segi guru2 yang mengajar. Kita pernah mendengar perambahan "kau-kau, aku-aku." Sikap ini ada-lah sa-rupa dengan perambahan "malas tah ku ingau" dan "ambil indah tak indah." Saperti di-huraikan di-atas tadi, sikap atau attitude "kau-kau, aku-aku" ini ada-lah juga sikap lapok, sikap zaman mundor. Saya tidak sa-kali2 menudoh guru2 mempunyai sifat ini, oleh kerana kesedaran memang ada, pada tuan2 dan puan2, ia-itu kesedaran bermuafakat, kesadaran "team work" dan kesedaran "sense of belonging".

Guru2 ada-lah menjadi pengharapan ibu-bapa, anak2 dan negara di-dalam memberi pengajaran dan pendidekan yang berkesan kapada murid2. Pengharapan ini pernah di-suarakan oleh Yang Teramat Berhormat Penasehat Umom Kebawah Duli Yang Maha Mulia di-Maktab Perguruan Sultan Hassanal Bolkiah Gadong beberapa waktu yang lalu. Dari itu churahkan-lah segala ilmu pengetahuan tuan2 dan puan2 kapada murid2 dengan tulus ikhlas tanpa ada apa2 reservation dan jangan-lah di-hampakan pengharapan tiga belah pehak di-atas tadi.



Pengiran Haji Jaludin bin Pengiran Mohd. Limbang

Bagi saya sendiri ingin merekodkan di-sini sa-tinggi2 penghargaan saya kapada sekolah ini dan guru2-nya atas jasa baik tuan2 dan puan2 mendidek anak2 saya dua tiga tahun yang lalu. Sa-lagi hayat saya ada, kenangan itu tetap di-abadikan.

Sa-belum-nya saya mengakhiri uchapan saya ini, sa-kali lagi saya sukachita merakamkan uchapan sa-tinggi penghargaan dan terima kaseh kapada jawatankuasa Hari Pelajar sekolah ini yang telah sudi menjemput saya untok bersama-sama menjayakan Hari Pelajar-nya dan juga bagi memberi sedikit uchapan pada Hari Pelajar sekolah ini. Saya berdoa semoga sekolah ini akan sentiasa beroleh kejayaan dalam mendidek serta mengeluarkan jenerasi2 baru yang berguna serta bertanggong-jawab kapada Negeri Brunei di-masa yang akan datang.

## TVP Mulai 3hb. Jan hingga 9hb. Jan.

### ISNIN — 3HB JANUARI

**PETANG**

4.30 KAP KAP UDANG 773.
Ranchangan ini di-muati dengan aktiviti2 saperti NAIK KUDA, LIHAT DAN PERHATI, MINUM, MAIN BAKUL, SIRI PERMULAAN dan CHERMIN SAKTI.

### SELASA — 4HB JANUARI

**PETANG**

4.30 KAP KAP UDANG 774.
Dalam ranchangan hari ini Che'gu Rokiah dan anak2 akan membuat aktiviti2 saperti BERSENAM, KERJA TANGAN, SI-MANIS, MINUM, GAMBAR DAN SEBUTAN dan CHERMIN SAKTI.

### RABU — 5HB JANUARI

**PETANG**

4.30 KAP KAP UDANG 775.
Ranchangan ini di-muati dengan aktiviti2 saperti BOLA TUMBOK, TUNJOK BENDA, MINUM, MAIN BOLA, YANG MANA GANJIL dan CHERMIN SAKTI.

### KHAMIS — 6HB JANUARI

**PETANG**

4.30 KAP KAP UDANG 776.
Dalam ranchangan ini Che'gu Rokiah dan anak2 akan membuat aktiviti2 saperti BELON SI-MANIS, BERSENAM, MANIS, MINUM, PAPAN HIKMAT dan CHERMIN SAKTI.

### JUMAAT — 7HB JANUARI

**PETANG**

4.30 KAP KAP UDANG
Dalam ranchangan kali ini Che'gu Rokiah dan anak2 akan membuat aktiviti2 saperti MAIN MUZIK, HALAMAN MENYANYI, MAIN BANG, BELON SI-MANIS, LUKISAN DARI RUMAH dan CHERMIN SAKTI.

### SABTU — 8HB JANUARI

**PETANG**

4.30 KAP KAP UDANG 777.
Ranchangan ini di-muati dengan aktiviti2 saperti MAIN KERUSI, MAIN BANG, MINUM, KETUA KESELAMATAN, BERCHERITA dan CHERMIN SAKTI.
Tajok cherita Che'gu Rokiah hari ini ia-lah SI-BELANG.

### AHAD — 9HB JANUARI

**PETANG**

4.30 KAP KAP UDANG
Ranchangan hari ini di-muati dengan aktiviti2 saperti IKUT KETUA, SI-MANIS, MAIN KERUSI, YANG MANA GANJIL, MENYANYI dan CHERMIN SAKTI.

# YB Pemangku SUK rai peserta2 di-Penutop Bengkel Amali Lisan



YB PEMANGKU Setiausaha Kerajaan menyampaikan hadiah kenang2an kapada salah sa-orang peserta bengkel.

Y.B. Pemangku Setiausaha Kerajaan, Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Awang Abdul Rahman pada malam Ahad minggu lalu telah berkesudian meraikan peserta2 Bengkel Amali Pengumpolan Tradisi Lisan yang julong2 kali di-adakan di-negeri ini atas inisiatif Jabatan Muzium2 Brunei.

Bertempat di-rumah kediaman rasmi beliau, di-Kampong Tungku, Gadong, Yang Berhormat itu menyatakan harapan agar antara peserta bengkel akan menjalinkan persefahaman dan kerjasama yang berkekalan, di-fahamkan antara mereka ada-lah terdiri dari peserta2 luar negeri.

Sa-lain dari meraikan dengan hidangan jamuan, peserta bengkel juga berkesempatan menekmati hiboran2 yang berunsor tradisi dari suku2 dan puak2 Melayu di-negeri ini, yang antara lain permainan alai bubu yang pada lazimnya di-gemari oleh pendudok2 pendalaman, demikian juga dengan permainan guling tangan yang menggunakan dari potongan2 kayu yang di-pileh khas boleh mengeluarkan bunyi yang merdu dan menghiborkan — selalu-nya kayu2 tersebut dari jenis 'sadaman'.

Dari gambaran permainan tradisi yang di-pertunjokkan itu, kita merasa yakin kerana ia-nya dapat menampakkan kembali unsor2 kemurniaan budaya bangsa kita sendiri, tetapi kita berasa sedeh pula kerana ia-nya sudah tidak lumrah lagi di-minati oleh jenerasi2 baru.

Semoga-lah dengan lahir-nya usaha2 bengkel itu nanti, harapan YB Pemangku Setiausaha Kerajaan itu supaya ia-nya dapat di-bukukan sa-bagai bahan rujokan pehak2 yang meminati-nya kelak.



YAM Pengiran2 Cheteria, ketua2 jabatan dan pegawai2 kanan kerajaan antara yang turut hadhir memeriahkan lagi majlis penutop itu.



PERMAINAN alai bubu yang di-sembahkan oleh beberapa orang pendudok salah sa-buah kampong pendalaman negeri ini sunggoh menarek minat yang hadhir betapa hanya menyebut beberapa patah kata2 yang berirama (panggilan kapada semangat) buku tersebut mula bergerak2 — melentok2 ka-kiri dan ka-kanan, sa-makin keras dan kuat kita menahan gerakan-nya, sa-makin kuat pula tindakan-nya.



INI juga salah satu permainan tradisi mashasakat kita berupa permainan guling tangan dari potongan2 kayu yang di-pileh khas. Betapa-kah permainan tradisi sa-umpama ini akan terus dapat di-ketengahkan untok menyinarkan kembali zaman-nya sa-bagai ganti kapada alat2 permainan moden yang hingar bingar bunyi-nya yang memerlukan nilai harga yang mahal pula.

# Sandiwara Radio Minggu ini: TAKDIR

Oleh : Mohd. Hairol Azmi

DARI hasil karya Mohd Hairol Azmi, Brunei, lahir-lah 'TAKDIR' yang di-pileh untok persembahan Sandiwara Radio Minggu Ini.

Perchaya-kah para pendengar kapada kuasa tangkal yang sa-bahagian besar-nya ada-lah atas dorongan shaitan ? Mungkin ada yang perchaya dan langsong lupa pada takdir Tuhan. Konflik mengenai perkara ini-lah yang ditimbulkan oleh penulis.

Segala2-nya bermula dari peristewa peminangan Tuah terhadap Lijah saudara sepupu-nya sendiri yang telah di-tolak.

Rupa2-nya penolakan itu telah membawa kechelakaan pada kehidupan Lijah. Hampir saja keseluruhan hidup-nya tiada bererti lagi, apabila Lijah yang bertugas sa-bagai sa-orang pendidek itu tiba2 saja bertukar menjadi sa-orang yang tidak siuman. Mujorlah dengan pertolongan Haji Bakar dan dengan kehendak Tuhan, Lijah dapat di-sembohkan kembali.

Walau bagaimana pun, dugaan hidup bagi Lijah maseh belum berakhir. Walau pun sa-telah kejadian itu Lijah telah di-ketemukan dengan empat orang pemuda yang berhasrat untok menjadikan-nya isteri, tapi kegagalan maseh membelenggu kehidupan Lijah. Pendekkata ada2 saja yang tidak kena di-antara mereka.

Apabila saja Lijah pindah mengajar ka-kampong Che'gu Johari yang juga mempunyai perasaan yang suchi terhadap-nya. Hubongan mereka ini juga tidak terkechuali dari dugaan2-nya.

Mungkin-kah Lijah akan menderita sa-umor hidup-nya ? Apa-kah akhir hubongan-nya dengan Che'gu Johari dan bagaimana pula tentang Tuah sepupu-nya itu? Untok mengetahui kesah sa-lanjut-nya, ikuti-lah siaran-nya pada 2hb Januari, 1983 jam 10.30 pagi.

Ranchangan ini di-terbitkan oleh Jamilah Abdullah.



## Ranchangan APA-NYA KITANI......?

AKHIR2-NYA sampai jua angan2 'WANG KAMIS kan babinikan 'DANG LIMAH. Maka di-hari perkahwinan, berseri2-lah wajah mempelai — 'Wang Kamis dengan dastar-nya dan 'Dang Limah lengkap dengan GANDI-nya. Jangan silap awda, ini bukan-lah episod sambongan drama 'KALAU HENDAK 1000 DAYA', tapi ada-lah satu ranchangan baru di-beri jodol "APA-NYA KITANI . . . . ?"

Melalui ranchangan ini, jenerasi baru dan kaum2 yang berbilang bangsa di-Brunei ini akan dapat mempelajari istilah bahasa Brunei tulen kita dan jenerasi tua akan dapat pula mengenang kembali perkataan2 yang dulu-nya menjadi perkataan sa-hari-an mereka.

Ikuti-lah Ranchangan Pertama-nya, pada hari Ahad 2hb Januari 1983 jam 8.45 malam.

## Ranchangan untok Kanak2 "AZAM 83"

APA-KAH Azam adek2 untok tahun '83 ini ? Mahu memperbaiki mata2 pelajaran sekolah yang adek lemah di-dalam tahun '82 ? Mahu jadi juara Bintang Kechil ? Mahu belajar memasak ? Mahu jumpa Ateng dan rakan2 ? Ha, kalau mahu jumpa, tak boleh-lah masa ini. Tapi kalau hendak menyaksikan Ateng di-interview oleh Kak Salmaya dan adek2, boleh-lah. Jadi jangan lupa bersama kami di-kacha TV pada 1hb Januari 1983, Sabtu pada jam 5.00 petang. Jangan lupa, ya. Sa-lain dari Ateng, Iskak berjenaka, juga dalam ranchangan ini adek2 akan dapat mengikuti nyanyian, tarian, tatoo, teknik2 berenang dan sa-bagainya yang kesemua-nya di-angan2kan oleh SITABAM. Moga2 kita semua BERJAYA di-dalam TAHUN '83 dan di-tahun2 yang akan datang. Amin. Moga terhibor dan Sekshen Kanak2 RTB menguchapkan Selamat Tahun Baru kapada adek2 serta keluarga adek2 semua.



Radio Minggu In

## BERAKHIR SA-BUA

DI-MINGGU terakhir takwim 1982 ini, Radio Brunei begitu sarat dan padat muatan-nya dengan segala keagongan, kebesaran dan harapan. Di-Rangkaian Biru Radio Brunei berkumandang muzik dan lagu Jingle Bell, Silent Night, White Christmas dan entah apa lagi, yang di-iringi uchapan Merry Christmas. Rangkaian Biru khusus di-minggu ini menghiborkan umat Kristian menyambut kedatangan Krismas.

Menurut T. Iskandar, dalam Kamus Dewan bahawa krismas yang juga di-sebut hari Natal membawa pengertian hari raya orang2 Kristian kerana memperingati lahir-nya Nabi Isa 'Alaihissalam, yang di-sebut di-dalam Al-Kor'an Al-Karim Isa Ibni Maryam, yang pada-nya di-turunkan Allah Kitab Injil. Dalam bahasa Inggeris di-sebut Bible, juga gospel, juga new testament atau wasiat baru.

Tiga hari sa-lepas menyambut kelahiran Nabi Isa, dan menjelang takwim 1983 melambaikan tangan 'good bye' kapada dunia dan p
huni-nya satu sambutan
sar kelahiran Nabi Muh
mad s.a.w. (Maulud N
telah memenohi pula R
kaian Merah Radio Bru
Sejak dari awal pagi 2
Disember salawat dan sa
telah bergema di-udara.
dio Brunei sa-kali lagi s
dengan komentar-nya y
di-salorkan sa-chara langs
dari empat daerah di-ne
ini. Para juru-ulas kita m
buat laporan terus men
dari Bandar Seri Begaw
Kuala Belait, Pekan Tu
dan Bangar. Radio mem
satu liputan menyeluroh
da satu masa, satu perist
yang berlainan daerah.
Rabi'ul-Awwal hidup da
sa-tiap kenangan umat Isl

Dan pada minggu tera
ini juga uchapan2 tahun b
bergugoran di-mana2. "H
py New Year" menjadi h
an dalam segala mac
uchapan dan 'greeting'.
mai orang begitu megah
berkeyakinan bahawa
ngan kedatangan tahun b
masehi, ia akan memb
tuah dalam hidup,
membawa rezeki yang



RANCHANGAN 'Senandong Pujaan Lama' ia-lah salah satu ran
lam ranchangan ini kita chuba membawa kenangan2 silam di-da
an kita. Mungkin dengan berkumandang-nya ranchangan ini
pahit manis di-masa lalu, di-masa remaja. Tapi bagi jenerasi m
hiboran sa-mata. Umpama-nya lagu di-tahun2 50an, 60an dan
SENANDONG PUJAAN LAMA ini akan ka-udara pada tiap2 h
Dayang Jauyah bte Haji Jaya.

## DAILOG di-TV mi

BIDANG perniagaan sudah menjadi darah daging bangsa2 asing. Biar pun begitu kita juga berasa bangga di-atas sikap sa-tengah dari orang2 Melayu yang mahu menchuba untok menchebor dan mendekatkan diri di-bidang yang sa-akan2 di-monopoli oleh bangsa2 asing itu. Dan ini lebeh memberangsangkan lagi dengan ada-nya bantuan2 dan sokongan kerajaan untok meninggikan taraf orang2 Melayu di-bidang perniagaan ini dengan sekim permodalan yang kini sedang dan akan terus di-nekmati oleh mereka
berkenaan. Talivishen B
akan chuba menyentoh pe
ini melalui sa-buah rancha
yang di-beri judol 'D
Dailog kali ini akan meng
kan khusus di-bidang pe
an dengan mempaparkan
RANAN PENIAGA2 M
YU DALAM PEMBAN
AN NEGARA".

Tetamu undangan kali
lah sa-orang tokoh
yang tidak asing lagi ia-it
Awang Hapidz Laksaman

Sementara itu, hadiah

# RANCHANGAN TV MINGGU INI

Pehak Radio Talivishen Brunei berhak untok menukar mana2 jua ranchangan yang di-fikirkan perlu tanpa memberi tahu terlebeh dahulu.

## HARI RABU 29HB DISEMBER

**PETANG**

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN MARI KITA BERDOA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 GREAT SPACE COASTER
5.30 THE NEW ADVENTURES OF SUPERMAN
6.00 BERITA AWAL
6.05 DIFFERENT STROKES
6.24 AZAN MAGHRIB
6.34 OUR INCREDIBLE WORLD (Siri baru)

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 CASSIE AND COMPANY : "Lover Come Back"
7.39 AZAN ISHA
7.44 CASSIE AND COMPANY — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.35 CHERAMAH MAULUD
8.45 LIPUTAN NASIONAL
9.15 PRIVATE BENJAMIN "Judy In The Driver's Seat"
9.45 MAGNUM : 'Wave Good-Bye"
Persahabatan ada-lah soal utama yang di-pentingkan oleh Magnum sa-telah ia mengetahui sahabat karib-nya mati terbunoh di-pantai dia berazam untok menchari pembunoh-nya.
10.35 TAYANGAN GAMBAR : "The Touch"
Pelakun2 Elliot Gould, Bibi Anderson, Max von Sydow, Sheila Reid.
12.05 SIARAN TAMAT.

## HARI KHAMIS 30HB DISEMBER

**PETANG**

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN MARI KITA BERDOA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 SESAME STREET
6.00 BERITA AWAL
6.05 FLINTSTONE FROLICS
6.24 AZAN MAGHRIB
6.34 WILD KINGDOM : "Land Of The Birds Of Paradise"

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 PETROCELLI : "Jublee Jones"
Petrocelli kali ini chuba membela sa-orang penyanyi juga dia sa-orang penari di-mana dia telah di-tangkap sa-masa mengadakan pertunjokkan pentas dan dia di-tudoh membunoh pengurus, night club di-mana dia membuat pertunjokkan tersebut.
7.39 AZAN ISHA
7.44 PETROCELLI — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.35 CHERAMAH MAULUD
8.45 HIDAYAT
9.15 MENYINGKAP KEMBALI PERISTEWA2 1982
9.45 FILEM RENCHANA — CITIES — Studs Terrel's : "Chicago"
10.45 BOSOM BUDDIES : 'Two Percent Solution"
Kip dan Henry menghadapi satu perbantahan dengan Ruth di-sebabkan Ruth tidak meluluskan perdagangan yang baru mereka buat.
11.15 ENIGMA FILES : "Investigation Of A Copper"
12.05 THAT'S HOLLYWOOD
12.35 SIARAN TAMAT.

## HARI JUMAAT 31HB DISEMBER

**TENGAHARI**

12.00 LAGU KEBANGSAAN
12.02 KORAN DAN MARI KITA BERDOA
12.13 SUSUNAN RANCHANGAN
12.15 HIDAYAT (Ulangan)
12.45 SIARAN LANGSONG SEMBAHYANG FARDHU JUMAAT DARI MASJID OMAR ALI SAIFUDDIN BRUNEI.
1.30 RANCHANGAN SOKAN 'BADMINTON' — ALBA

**PETANG**

2.30 HAPPY GO ROUND
3.15 HEATHCLIFF AND DINGBAT
3.45 WILDLIFE ON ONE : "The Year Of The Deer"
3.47 AZAN ASAR
3.52 WILDLIFE ON ONE — sambongan
4.15 THE MAGIC STAR TRAVELLER
4.45 KAP KAP UDANG SPECIAL
5.30 LAVERNE AND SHIRLEY
6.00 BERITA AWAL
6.05 YOU ASKED FOR IT
6.24 AZAN MAGHRIB
6.34 SECRET VALLEY : "The Junkman"

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 EIGHT IS ENOUGH : 'The Way We Were"
7.39 AZAN ISHA
7.44 EIGHT IS ENOUGH — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.35 CHERAMAH MAULUD
8.45 DRAMA-DEDAUN MASA : "Tuntutan"
9.15 KNOTS LANDING : "Best Intentions"
10.05 TERRY AND JUNE
10.35 ON THE MAT
11.05 CHICAGO STORY : "Vendetta" Bahagian 1.
11.30 MENJELANG '83
12.00 PERUTUSAN TAHUN BARU OLEH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DIPERTUAN NEGERI BRUNEI
DAN UCHAPAN KHAS TAHUN BARU OLEH PEMANGKU MENTERI BESAR BRUNEI YAB PEHIN ORANG KAYA LAILA WIJAYA DATO SERI SETIA AWANG HAJI ABDUL AZIZ.
12.15 SAMBONGAN RANCHANGAN MENJELANG '83
12.30 SIARAN TAMAT.

## HARI SABTU 1HB JANUARI 1983

**PETANG**

2.00 PEMBUKAAN
2.02 KORAN DAN MARI KITA BERDOA
2.13 SUSUNAN RANCHANGAN
2.15 TITAH PERUTUSAN TAHUN BARU OLEH D.Y.M.M. DAN UCHAPAN KHAS OLEH PMK. MENTERI BESAR BRUNEI (Siaran Ulangan)
2.30 TAYANGAN GAMBAR : "Birth Of The Beatles"
3.45 GENTLEMAN FROM TITIPU
3.50 AZAN ASAR
3.53 GENTLEMAN FROM TITIPU — sambongan
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 RANCHANGAN TEMPATAN UNTOK KANAK2 'AZAM'
6.00 BERITA AWAL
6.05 THE FANTASTIC FOUR
6.27 AZAN MAGHRIB
6.37 WORLD OF BIRDS

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 TRAPPER JOHN M.D. — "John's Other Life" (Siri terakhir)
7.40 AZAN ISHA
7.45 TRAPPER JOHN M.D. — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.35 CHERAMAH MAULUD
8.45 LIPUTAN PERISTEWA 1982
9.15 MARI MEMASAK Bhg. 1
9.45 PESTA GEMBIRA
10.45 TAYANGAN FILEM INDONESIA: "Kerana Lirekan"
12.15 SIARAN TAMAT.



SIRI yang di-minati ramai, DYNASTY minggu ini membawa awda sambongan minggu lepas dengan episod-nya yang ke-20. Jangan lupa menyaksikan tayangan-nya kira2 jam 9.30 malam hari Selasa.

## HARI AHAD 2HB JANUARI

**PETANG**

2.00 PEMBUKAAN
2.02 KORAN DAN MARI KITA BERDOA
2.13 SUSUNAN RANCHANGAN
2.15 KIMBA THE WHITE LION — "Such Sweet Sorrow"
2.45 THE NEW POPEYE SHOW
3.10 BIG LEAGUE SOCCER
3.50 AZAN ASAR
3.53 BIG LEAGUE SOCCER — sambongan
3.55 SCRUFFY : PT. 2
4.25 KAP KAP UDANG
4.55 MEDICAL REPORT
5.10 ON SAFARI
5.40 TARGET THE IMPOSSIBLE : "To Defeat The Doows Day Doctrine"
6.00 BERITA AWAL
6.05 THE BRADY KIDS : "Double Trouble"
6.27 ANGIE : "Mary, Mary Marries"
Angie mendapati Mary Mary meranchang untok berkahwin dengan sa-orang penjual di-mana hanya baru di-kenali-nya sa-lama enam minggu. Angie terpaksa turut serta untok mengurus perkahwinan Mary.
6.27 AZAN MAGHRIB
6.37 ANGIE — sambongan

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 THE LOVE BOAT
7.40 AZAN ISHA
7.45 LOVE BOAT — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.35 CHERAMAH MAULUD
8.45 APA-NYA KETANI : Bhg. 1
9.25 MIND YOUR LANGUAGE
9.55 SHOTGUN INHERITENCE (Siri baru)
10.55 WILD TIME (Siri baru)
11.55 TALES OF THE UNEXPECTED : "I Like Here In Wimington"
12.25 SIARAN TAMAT.

## HARI ISNIN 3HB JANUARI

**PETANG**

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN MARI KITA BERDOA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 BALDMONEY, SNEEZEWORT, DODDER AND CLOUDBERRY :
5.15 SUPERFRIENDS : "Baffles Puzzle"
6.00 BERITA AWAL
6.05 THAT'S INCREDIBLE
6.27 AZAN MAGHRIB
6.37 THAT'S INCREDIBLE — sambongan

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 THE POWERS OF MATHEW STARR
7.40 AZAN ISHA
7.45 THE POWERS OF MATTHEW STARR — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.35 CHERAMAH MAULUD
8.45 LIPUTAN NASIONAL
9.15 SCRUPLES
10.15 THE BODY IN QUESTION : "Native Medicine"
Kali ini awda di-perlihatkan chara perubatan modern di-England Utar: di-perbandingkan dengan chara2 si tem perubatan2 tradisional yang men gunakan ilmu sihir yang terdapat d Azande di-Afrika Tengah.
11.15 HOUSE CALL : "Have Peckler, Will Travel"
11.45 SIARAN TAMAT.

## HARI SELASA 4HB JANUARI

**PETANG**

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN MARI KITA BERDOA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 THE PRINCE AND THE PAUPEI (Siri Terakhir)
5.30 HANS CHRISTIAN ANDERSEN ANIMATION : "Ice Maiden"
6.00 BERITA AWAL
6.05 NOVA DOCUMENTARY/ NATIONAL GEOGRAPHIC
6.27 AZAN MAGHRIB
6.37 NOVA DOCUMENTARY/ NATIONAL GEOGRAPHIC — sambongan

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 THE FALL GUY : "Going For It"
Colt telah menshaki sa-orang 'Stur Man' yang telah jatoh dan mengak batkan kematian di-mana Colt tela menjumpai Emas churian yang begit banyak di-dalam kereta 'Stunt' k punyaan teman-nya itu.
7.40 AZAN ISHA
7.45 THE FALL GUY — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.35 CHERAMAH MAULUD
8.45 ARENA SOKAN
9.30 DYNASTY
10.30 TAYANGAN GAMBAR : "Callan"
12.00 SIARAN TAMAT.

# BENG

Laporan : SHAD



KEKAYAAN budi pekerti dan tingginya nilai2 kebudayaan beberapa puak asli di-negeri ini telah terungkit dan diperlihatkan dengan begitu terator sakali buat tatapan ahli2 Bengkel Amali Pengumpolan Tradisi Lisan yang mula "bergerak" pada hari Isnin 13hb Disember lalu.

Di-pehak ahli rombongan yang terdiri dari anak2 tempatan dan perwakilan dari Malaysia dan Indonesia, bengkel sa-umpama ini tentu sa-kali telah berjaya mendekatkan mereka kapada adat istiadat atau pun chara hidup puak2 asli di-dalam negeri ini, memberikan kesempatan kapada mereka untok membuat analisa dan pengajian dari apa yang mereka lihat dan kesempatan saumpama ini sa-tentu-nya-lah mempunyai nilai yang besar erti-nya kapada mereka yang terlibat.

Bagi pehak tuan rumah pula, kita tentu sa-kali berkeyakinan yang kunjongan ahli2 bengkel ini memberikan satu peluang kapada mereka menampilkan sa-tiap sudut kebudayaan mereka yang di-luahkan oleh mereka sendiri, membetulkan mana2 pendapat yang bertentangan dari yang sa-benar-nya dan perhatian besar yang di-berikan kapada puak mereka ada-lah merupakan satu penghargaan yang boleh di-banggakan.

Daerah pertama yang di-kunjongi oleh rombongan bengkel ia-lah Daerah Temburong. Di-daerah ini perhatian mereka telah di-tumpukan kapada pertunjokan kebudayaan orang2 Murut yang sa-bahagian besar daripada mereka tinggal di-Kampong Parit.



SALAH satu adat yang mesti di-penohi oleh pengantin Puak Murut ia-lah makan "nasi tapai" yang di-khususkan bagi pasangan yang di-raikan dan sa-bagai menguji ketabahan dan menandakan persetujuan hidup bersama kedua-dua belah pehak, pengantin di-kehendaki menebas sa-rumpun rumput (atas).

DI-SUKANG, ahli2 bengkel di-perkenalkan kapada kehidupan puak Punan — kelihatan salah sa-orang daripada mereka sedang membuat sumpit; satu alat memburu yang penting bagi puak ini.





INI ada-lah tarian tradisi orang2 Murut yang turut di-persembahkan di-malam itu.

# KEL UNGKIT NILAI BUDAYA

LAMZI Gambar2 : AK ABU BAKAR/AK BAHAR

embahan kebudayaan di-pusatkan
ah rumah panjang ,yang telah
sa-chara bergotong-royong khu-
i tatapan ahli bengkel. Achara2
ng di-persembahkan termasok-lah
kebudayaan kaum Murut dan
ra perkahwinan kaum ini.
olak dari sini rombongan kemu-
a mengunjongi Kampong Sukang
Belait — satu perjalanan melalui
yang memakan masa sa-lama
kurang empat jam. Di-sini me-
elah menjadi tetamu kapada
Punan yang telah menunjokkan
kehidupan mereka di-dalam hu-
n kesempatan telah juga di-beri-
gi mereka untok mengetahui le-
njut lagi mengenai kehidupan
ni dengan perbinchangan2 de-
rang2 tua Punan yang lebeh
hui akan sejarah mereka.
ukit Sawat, ia-itu pada hari peng-
mereka di-Daerah Belait, para
ngkel telah juga menerima sam-
yang menggalakkan dari pehak
mah yang terdiri dari puak Du-
Di-sini, mereka telah di-persem-
dengan adat "Tamarok" — satu
radisi yang menandakan keshu-
nereka sa-lepas menuai padi dan
nangan2 telah juga di-adakan.
ta2 bengkel kemudian-nya ber-
ka-Daerah Brunei-Muara di-
erjumpaan2 telah di-adakan di-
mereka dengan pendudok2 kam-
ver terutama sa-kali di-Kampong
aru dan Kampong Sungai Keda-
. Di-kedua2 kampong tersebut
telah dapat mendengarkan ira-
elayu Asli yang di-mainkan de-
at muzik tradisi Brunei serta
an tarian2.
penutop bengkel di-adakan di-
kediaman Yang Berhormat Pe-
Setiausaha Kerajaan. Bengkel
Pengumpolan Tradisi Lisan di-
oleh Jabatan Muzium2 Brunei.





PERBINCHANGAN2 di-Pusat Belia, kelihatan di-tengah2 Awang Latiff Haji Ibrahim, Setiausaha jawatankuasa penganjor.



TARIAN "Ngajat" turut juga di-persembahkan oleh pehak tuan rumah. (Puak Punan).

PERSEMBAHAN permainan alat2 muzik asli di-kampong2 Bukit Sawat, Setia Baru dan Kampong Sungai Kedayan A.





# ranchangan2 RADIO

## WAKTU SIARAN:

Siaran Bahagian Melayu Radio Brunei bermula dari jam 6.00 pagi terus menerus hingga jam 10.30 malam sa-tiap hari.

SIARAN F. M. STEREO

92.3 mHz bagi kawasan Brunei-Muara dan Temburong.
93.8 mHz bagi kawasan Tutong dan Belait.

GELOMBANG SEDERHANA

675 kHz atau 444 meter bagi kawasan Brunei-Muara dan Temburong.
594 kHz atau 505 meter bagi kawasan Tutong dan Belait.

## TIAP2 HARI:

PAGI:

| | |
|---|---|
| 6.00-6.02 | Allah Peliharakan Sultan |
| 6.05 | Sinaran Wahyu |
| 6.15 | Dendang Suria |
| 6.45 | Berita |
| 6.50 | Dendang Suria |
| 7.05 | Panduan Sokan |

TENGAHARI

| | |
|---|---|
| 12.00-12.45 | Sajian Tengah Hari (Mempersembahkan lagu stereo) |
| 1.00 | Majallah Radio siaran asal dan ulangan (kechuali hari Khamis) |

PETANG

| | |
|---|---|
| 6.00 | Siri Mukkaddam Bingkisan Hari Ini Siaran langsong menunaikan sembah-yang Fardhu Maghrib. |

MALAM

| | |
|---|---|
| 10.15 | Bachaan Al-Kor'an |
| 10.24 | Do'a Restu |
| 10.29 | Allah Peliharakan Sultan |

## WARTA BERITA:

| | |
|---|---|
| 6.45 pagi | (Berita2 dalam dan luar negeri) |
| 10.00 pagi | |
| 12.45 tengahari | |
| 1.30 tengahari | (tiap-tiap hari Jumaat) |
| 3.00 petang | |
| 5.30 petang | |
| 8.00 malam | |
| 8.15 malam | (Berita2 dalam Bahasa Dusun dan Iban) |
| 9.30 malam | Berita Dunia dari BBC London. |

**Menyiarkan AZAN:**

Dzohor
Asar
Maghrib
Isha.

## HARI RABU 29HB DISEMBER

PAGI: 7.15 — Sudut Pelita, 8.30 — Taman Mekar (SU), 9.00 — Permintaan Pagi Rabu, 10.15 — Rampaian Joget, 10.30 — Rimba Raya, 10.45 — Riang Ria, 11.00 — Dendang Ahmad Jais, 11.30 — Autograph Pendengar. **T/HARI:** 1.30 — Hiboran Paduan Suara. **PETANG:** 2.00 — Dunia Wanita (SU), 2.30 — Chitra Irama, 3.15 — Hiboran Petang, 3.30 — Gazal (SU), 4.00 — Tinjauan, 4.15 — Senandong Budaya, 4.30 — Bangsawan Di-udara (Kelana Indera — siri 1), 5.00 — Serbanika Hiboran (SU), 5.45 — Senandong Senja, 6.50 — Bingkisan Hari Ini. **MALAM:** 7.00 — Rangkaian Lama dan Baru, 7.35 — Majallah Radio, 8.30 — Permintaan Sukaramai, 9.00—Belia Mewakili Zaman-nya, 9.45 — Kenangan Mengusik Jiwa.

## HARI KHAMIS 30HB DISEMBER

**PAGI:** 8.30 — Hiboran Untok Adek-Adek (SU), 9.00—Dendang Antarabangsa, 9.30 — Pilehan Pendengar, 10.15 — Penglipor Lara, 10.30—Rampaian London, 10.45—Aneka Lagu, 11.00 — Permintaan Sukaramai. **T/HARI:** 1.30—Chitra Wara (SU). **PETANG:** 2.00 — Keronchong/Puspasari, 2.30 — Tetamu Radio (SU), 3.15—Hiboran Petang, 3.35 — Rimba Raya (SU), 23.50 — Instrumental Inggeris (Sentimental), 4.00 — Sandiwara Radio (SU), 4.30—Soal Jawab Ugama, 5.00—Lagu Berirama Gambus, 5.45 — Lagu2 Nasihat, 6.50 — Bingkisan Hari Ini. **MALAM:** 7.00 — Bachaan Surah Yassin, 7.15 — Lagu2 Asli, 7.30 — Majallah Radio, 8.30 — Bimbingan Al-Kor'an, 9.00 — Tafsir Al-Kor'an, 9.45 — Hidayat.

## HARI JUMAAT 31HB DISEMBER

**PAGI:** 8.30—Majallah Radio (SU), 9.00—Suara Gambus, 9.30—Tafsir Al-Koran, 10.15 — Soalan Di-Udara, 10.30 — Bichara Rasa, 11.00 — Lagu2 Asli, Zapin dan Gazal, 11.30—Bimbingan Al-Koran (SU). **T/HARI:** 12.00—Lagu2 Dakwah, 12.15 — Bachaan Al-Koran, 12.30 — Siaran Langsong Menunaikan Sembahyang Fardhu Jumaat, 1.15 — Lagu2 Nashid, 1.45 — Lagu2 Padang Pasir. **PETANG:** 2.00 — Lukisan Masharakat, 2.30 — Pusparama/Gema Keronchong, 3.15 — Panduan Sokan, 3.20 — Apa Pendapat Awda/Hiboran, 3.30 — Pelajaran Dewasa Di-Udara, 4.00 — Surat dari London, 4.15 — Hiboran, 4.30 — Permintaan Jiran Tetangga, 5.00 — Suntingan Khutbah Jumaat, 5.15 — Tinjauas (SU), 5.45 — Sayu dan Merdu, 6.50 — Bingkisan Hari Ini (SU). **MALAM:** 7.00 — Cherpen dan Salokan, 7.30 — Majallah Radio, 8.30 — Lagu2 Hiboran, 9.00 — Soal Jawab Ugama (SU), 9.45—Mari Berpantun (SU).

## HARI SABTU 1HB JANUARI 1983

**PAGI:** 8.30 — Pelajaran Dewasa Di-Udara (SU), 9.00 — Riang Ria, 9.15 — Soalan Di-Udara (SU), 9.30—Pilehan Pendengar, 10.15 —Varia Peristiwa (SU), 10.30 — Rampaisari, 11.30 — Hiboran Untok Adek2. **T/HARI:** 1.30 — Lagu2 Dari Filem, 1.45 — Dailog Semasa. **PETANG:** 2.00 — Permintaan Hujong Minggu, 3.15 — Apa Pendapat Awda (SU)/Hiboran, 3.30 — Cherpen dan Salokan (SU), 4.00—Mutiara Asli (SU), 4.30—Fukas Radio, 5.00—Rangkaian Lama dan Baru, 5.45 Hiboran Di-Senja, 6.50 — Bingkisan Hari Ini. **MALAM:** 7.00 — Titian Budaya (SU), 7.15 — Selingan Irama, 7.30 — Majallah Radio, 8.30 — Chitra Irama (SU), 9.00 — Bangsawan Di-Udara (SU), 9.45 — Fokus Radio.

## HARI AHAD 2HB JANUARI

**PAGI:** 8.30 — Majallah Radio, 9.00—Taman Mekar, 9.30 — Pilehan Pendengar, 10.15 — Pilehan Juruhebah, 10.30 — Sandiwara Radio, 11.00 — Kugiran Tanah Ayer, 11.30 — Berbalas Pantun. **T/HARI:** 12.00 — Tahniah dan Uchap Selamat, 12.15— Hiboran Untok Awda, 1.00 — Permintaan Hari Minggu. **PETANG:** 2.00 — Lagu2 Rampaian, 2.30 — Pesta Pop Minggu Ini, 3.15 — Panduan Sokan, 3.20 — — Irama Gembira, 3.30 — Majallah Sokan, 4.00 — Senandong Pujaan Lama, 4.30 — Chitra Wara, 5.00 — Tetamu Radio, 5.45 — Hiboran Senja, 6.50 — Bingkisan Hari Ini. **MALAM:** 7.00—Seni dan Sastera, 7.30—Majallah Radio, 8.30 — Suara Parajurit, 9.00 — Keronchong/Puspasari, 9.45 — Di-Buang Sayang (Permintaan Lagu2 Lama).

## HARI ISNIN 3HB JANUARI

**PAGI:** 8.30 — Menyusor Pendalaman, 9.00 — Wanita dan Lagu, 9.30 — Pileran Pendengar, 10.15 — Berdendang Dengan Ku, 10.30 — Permintaan Sukaramai, 11.30 — Pertanian. **T/HARI:** 1.30 — Hiboran Periang Hati. **PETANG:** 2.00 — Lukisan Masharakat (SU), 2.30 — Mari Berpantun (SU), 3.15 — Pilehan Juruhebah, 3.30 — Mingguan Pelajar, 4.00 — Dendang Remaja, 4.30 — Ruangan Ketani, 4.45 — Rampaian Joget, 5.00 — Belia Mewakili Zaman-Nya, 5.15—Untok Awda, 5.45 — Lagu2 Rampaian, 6.50 — Bingkisan Hari Ini. **MALAM:** 7.00—Majallah Sokan (SU), 7.30 — Majallah Radio, 8.30 — Sains dan Perusahaan, 9.00 — Lagu2 Keronchong, 9.45 — Ku Tujukan Lagu.

## HARI SELASA 4HB JANUARI

**PAGI:** 8.30 — Suara Parajurit (SU), 9.00— Dendang Antarabangsa, 9.30 — Permintaan Kaum Wanita, 10.15 — Lagu2 Berirama Hindustan, 10.30—Rampaian London, 10.45—Lagu-lagu Hiboran, 11.00—Autograph Pendengar (SU). 11.30—Gazal. **T/HARI:** 1.30—Lukisan Masharakat (SU). **PETANG:** 2.00—Ku Sampaikan Salam, 3.15 — Gema Silam, 3.30— Suara Kugiran (SU), 4.00 — Belia Mewakili Zaman-nya, 4.30 — Gema Keronchong/Pusparama (SU), 5.00 — Varia Peristiwa, 5.15 — — Sayu dan Merdu, 5.45 — Senandong Senja, 6.50 — Bingkisan Hari Ini. **MALAM:** 7.00 — Ruangan Ketani (SU), 7.30 — Majallah Radio, 8.30 — Permintaan Sukaramai, 9.00 — Fukas Radio (SU), 9.45 — Selingkar Madah (SU), 10.00 — Senandong Malam.

# RADIO PROGRAMME ENGLISH SECTION

### EVENING

### Wednesday

CLASSICAL MUSIC NIGHT

P.M.

8.00-9.30 Classical music night Rory Higgins

### Thursday

P.M.

8.00 Hello Tomorrow
8.45 Stereo Pop Special: The Teardrop Explodes Side 1 — 257
9.30 Country Club — 21

### Friday

A.M.

6.58-8.30 Normal Programme
11.00 Christmas At Children's Corner (repeat)

NOON

12.00 Soundtrack of the Sixties

P.M.

12.45 Stringsound
1.15 Book Club: Turtle Diary by Russel Hoban — 5/10.
1.30 Close Down.

### New Year's Eve

P.M.

8.00 An Evening with the Muppets.
8.45 Short Story: The Prince Is In the Audience
9.00 15 Minutes Instrumental
9.30 Announcers' Special (repeat)
10.15 Brunei 82
10.45 Jim Reeves and His Music — 5
11.45 Ringing In The New Year
12.30 M/night Close Down.

### Saturday, 1st January 1983

A.M.

6.30 Opening announcement followed by National Anthem.
6.32 Quraan and its translation.
6.04 Brunei's AM — New Year Special.
8.30 Chinese Programmes.
11.00 Ladies at Eleven (New Year edition)

NOON

12.00 Lunch Break (New Year edition)

P.M.

1.30 New Year Variety Show
2.30 Brunei 82 (repeat)
3.00 Hello! Happy New Year — a request by telephone programme presented by Asha Devaraj and Rory Higgins.
4.00 Chinese Programmes.
8.00 Opening announcement Melody Time
8.45 Animal, Vegetable or Mineral 18/30.
9.30 Top of The Pops — 943 (repeat)
10.00 Close Down.

### Sunday

A.M.

11.00 Practical World
11.15 This Is My Song
11.45 London This Week

NOON

12.00 Animal, Vegetable or Mineral 18/30 (repeat)

P.M.

12.45 Review of the Week
1.00 Top of The Pops — 943 (repeat)
1.30 Close Down.

STUDENT NIGHT

P.M.

8.00 Do You Know . . . ? (Science Made Easy) Communications.
8.15 Beautiful Music — 5/48.
8.30 English Examined
8.45 BBC Science Magazine
9.30 Drama: The Landing by C. S. Forester adapted for radio by Val Gielgud—3/15

### Monday

P.M.

8.00 This Is My Song
8.45 Up The Belait River Without A Paddle — 76 with guest this week's Steve Long
9.30 All That Jazz — 26.

### Tuesday

JA'AFAR'S POP MUSIC NIGHT

P.M.

8.00 Just For You
9.30 In Sentimental Mood — 22

### Daily

A.M.

7.00 BBC and Local News
7.15 Brunei's A.M.
11.00 Ladies At Eleven — except Fridays and Sundays
12.00 Lunch Break — except Fridays and Sundays
12.30 News and weather report — except Fridays and Sundays

P.M.

8.30 Radio Newsreel (except Sundays)

# Ranchangan : DAILOG SEMASA

DALAM mengisi tahun 1983, ranchangan2 Radio berusaha ka-arah mengetengahkan topik2 sa-masa yang berligar di-sekitar kehidupan kita.

Topik2 yang berunsorkan pembangunan, ekonomi dan pelajaran akan di-sentoh melalui ranchangan baru yang di-namakan Dailog Sa-masa.

Ranchangan ini akan chuba mendekati topik2 tertentu untok di-ketengahkan dalam ranchangan ini.

Dalam keluaran siri pertama-nya ranchangan Dailog Sa-masa membawa para pendengar untok mengikuti dailog mengenai dengan Pusat Sejarah.

Para pendengar akan dapat mengikuti perkara2 yang penting mengenai dengan pusat tersebut.

Kelihatan dalam gambar Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr) Haji Md Jamil Al-Sufri, Yang Dipertua Pusat Sejarah ketika di-temui oleh ranchangan Dailog Sa-masa bagi mengisikan siri ranchangan pertama ini.

Ranchangan ini akan di-siarkan pada tahun 1983 awal bulan Januari nanti. Ranchangan ini di-terbitkan oleh Awang Ali Haji Aji.



## TAKWIM

limpah ruah, melambong pangkat dan darjat, di-tambah dengan kebahagiaan yang tidak terhingga. Dan di-tanamkan-lah sa-rumpun azam baru pada itu tahun baru. Dan amat benar-lah tahun baru masehi itu di-sambut hebat kedatangan-nya oleh orang2 yang ber-ugama Kristian. Kerana ini ada-lah tahun mereka, tahun kelahiran Nabi Isa. Mereka mengharapkan agar semua impian hidup akan menjelma ka-alam nyata, agar titisan2 ayer mata derita dapat di-keringkan, ratapan dan tangisan anak2 yatim akan bertukar kapada senyum tawa, hati2 yang gundah gelana akan bertukar menjadi hati2 yang tenang dan tenteram.

Sempena dengan perayaan2 besar itu Radio Minggu Ini menguchapkan kapada umat Islam, selamat menchontohi akhlak Rasulullah kerana ia ada-lah sa-mulia2 akhlak manusia di-dunia ini. Dan kapada umat Kristian di-uchapkan selamat menyambut tahun baru masehi 1983. Dan dengan itu ber-akhir-lah sa-buah takwim.



...n bagi tahun baru 1983 ini. Da-...aian lagu2 dari penyanyi2 tempat-...t mengenangkan kembali sejarah ...la, akan menjadikan-nya sa-bagai ...ahun 70an dahulu. Ranchangan ...ad jam 4.00 petang. Penerbit-nya

## ...ggu ini

...hati bagi "KOMEN PENUN-TUN" dengan tajok di-atas akan di-naikkan menjadi $45.00 bagi pemenang pertama, $35.00 bagi tempat kedua dan ketiga sa-banyak $25.00.

Hantar-lah segala pendapat awda itu dengan barisan tidak lebeh dari 150 perkataan sahaja kapada penerbit DAILOG tidak lewat dari 22hb Januari 1983.

Dailog akan menemui awda di-kacha TV pada 2hb Januari 1983 kira2 jam 8.30 malam. Jangan lupa untok mengikuti-nya.

# The "Everybody Loves A Winner" dalam episod THAT'S HOLLYWOOD





'EVERYBODY Loves A Winner' episod ke-22 (gambar atas) begitu-lah tajok siri That's Hollywood yang di-tayangkan pada hari Khamis kira2 jam 12.05 malam.

# 11 buah ranchangan baru di-susun

MULAI bulan Januari 1983, Perkhidmatan Melayu (Radio) akan menerbitkan enam buah ranchangan2 terbitan baru. Ranchangan2 itu ia-lah 'Brunei Dalam Sejarah' yang akan di-terbitkan dalam tiga bahasa ia-itu Melayu, Inggeris, dan Tiong Hwa, dengan kerjasama dari Jabatan Muzium2 Brunei 'Senandong Pujaan Lama' terbitan Jauyah Dato Karna Haji Jaya. 'Mingguan Pelajar' terbitan Haji Abdul Manaf Haji Adam, 'Dailog Semasa', terbitan Ali Haji Aji, 'Menyusor Pendalaman' terbitan Mohd Daud Metarsad/Hanifiah Ali dan 'Berbalas Pantun' terbitan Ak Ahmad bin Pg Haji Mahmud.

Menurut Pengelola Ranchangan (Bahagian Melayu), Pengiran Hajjah Mariam, ranchangan2 lama saperti 'Dendang Suria' dan 'Sajian Tengahari' maseh lagi di-kekalkan bagi terbitan 1983, tetapi akan di-beri nafas baru, bagi memenohi selera pendengar-nya.

Ruangan 'Dendang Suria' yang di-terbitkan dalam tahun 1983 ini nanti tambah-nya akan merupakan satu hasil kerja dari gabongan tenaga yang ada di-Bahagian Melayu, yang akan di-lahirkan oleh pegawai2 ranchangan Radio, saperti Mohd Noor Yassin dengan Laporan Keselamatan, Haji Bahmin Hamdan dengan Mutiara Titah. Jamilah Abdullah dengan Rampaisari-nya. Abdullah Awang Damit dengan Ramalan Chuacha. Emran Mohd Yusof dengan makloman Ayer Pasang Surut, Haji Abd Manaf Haji Adam dengan Panduan Pelajar, Ali Haji Aji dengan Kebun Awda. Zaini Mohd Yusof dengan Khidmat Radio. Salmah Abdul Rahman dengan Panduan Wanita, Helen Thu Moi Chin dengan Intisari Ranchangan2, Mohd Ali Majid dengan Berita dan Peristewa, Zainab Haji Mohd Taha dengan Dari Chatetan Radio, Jauyah Haji Jaya dengan Doktor Radio. Semua-nya ini akan dapat awda ikuti melalui ranchangan sa-lama dua jam sa-tiap hari ia-itu 'Dendang Suria' siaran dari jam 6.30 pagi sa-hingga 8.30 pagi.

Sempena tahun baru 1983 ini juga perkhidmatan Bahagian Inggeris akan menambah masa siaran-nya sa-lama sa-tengah jam lagi dari biasa, ia-itu bermula jam 6.30 pagi.

Penambahan masa yang di-maksudkan ada-lah bertujuan untok memberikan perkhidmatan yang telah di-sediakan bagi mengisikan masa tambahan yang di-maksudkan itu, ia-lah saperti Kor'an dan Makna dalam Bahasa Inggeris, 'Brunei Dalam Sejarah' dan 'Pantang Larang Orang Tua2'.

Menurut Pengelola Ranchangan Inggeris Dayang Hajjah Zainah Haji Salleh, ranchangan2 yang di-sebutkan itu, sudah pun di-sediakan hanya tinggal menunggu masa untok siaran-nya.

Ada-lah di-hasratkan agar pendengar2 yang mengikuti siaran malam Bahasa Inggeris akan bergembira mengikuti-nya.

Bahagian Inggeris dan Tiong Hwa juga dengan ini memaklomkan kapada pendengar2-nya, yang perkhidmatan tersebut akan menyiarkan makloman ayer pasang surut bagi faedah orang ramai yang akan pergi ka-laut.

Sementara itu, Pengelola Ranchangan (Bahagian China) Awang Wong Wing Poi, menambah di-samping Bahagian-nya akan menyiarkan 'Brunei Dalam Sejarah' saperti mana jua di-siarkan oleh Bahagian Melayu dan Inggeris ada empat buah lagi ranchangan2 baru yang akan di-terbitkan oleh bahagian perkhidmatan-nya.

Empat buah ranchangan yang di-maksudkan itu, ia-lah 'Bahasa Kebangsaan Harian' yang akan di-siarkan pada tiap2 hari Jumaat jam 6.00 petang, 'Brunei This Week' — siaran hari Isnin jam 5.00 petang. 'Travel With Us' — siaran hari Sabtu jam 5.30 petang dan 'Youth's Talk' siaran tiap2 hari Ahad jam 9.45 pagi.

Dan mulai awal tahun baru masehi 1983 ini juga Perkhidmatan China Radio Talivishen Brunei akan menyiarkan Berita tiga kali sa-hari bagi menyelaraskan kehendak perkembangan yang ada.

Waktu2 yang telah di-tetapkan ada-lah saperti 10.45 pagi, jam 4.30 petang dan 6.15 petang. Ketiga2 perkhidmatan berita yang di-sebutkan itu ada-lah dalam Bahasa Mandarin.

Menurut Pemangku Pengurus Penerbitan Ranchangan (Radio) Awang Haji Ramlee Haji Mohd Said, ranchangan2 yang baru dan yang lama yang di-siarkan oleh Radio Brunei itu ada-lah di-hasratkan untok di-jiwai oleh peminat2 yang mempunyai bakat dalam bidang2 yang tertentu, mithal-nya, kalau awda berkebolehan dalam bidang drama, kenapa tidak awda menchuba-nya.

Kalau awda berminat dalam lapangan seni suara awda di-persilakan untok mengasoh bakat awda melalui ranchangan2 hiboran yang sedia ada tempat menyalorkan-nya. Kalau awda ternyata berbakat dalam pembachaan berita, kenapa tidak sudi untok di-uji bakat-nya.

Perkhidmatan Radio hari ini, yang jauh sudah dapat di-dekatkan, justeru melalui Radio awda dapat mengetahui hal2 kesukaan dan kedukaan di-kalangan masharakat-nya. Kalau sudah demikian hal-nya, kenapa tidak awda jadikan Radio itu sa-bagai sa-bahagian dari kehidupan diri awda. Kerana perkhidmatan Radio sentiasa mendampingi awda.

# PENDIDEKAN DALAM ISLAM

## Adab guru

### (Sambongan) Siri 164

10. Sa-tengah dari adab guru: Hendak-lah ia mengetahui bahawa mengajar itu asas bagi hidup ugama Islam, dengan mengajar itu selamat ilmu Islam dari pupus, mengajar ada-lah satu perkara yang besar dan mustahak dalam ugama, dan sa-mulia2 'ibadat, dan sa-kuat2 Fardhu Kifayah.

Firman Allah dalam Surah Ali-Emran Ayat 187 yang tafsir-nya: *"Ingat-lah kamu ketika Allah Ta'ala mengikat janji dengan orang2 Yahudi Ahli Kitab, supaya mereka menerangkan Kitab Allah Taurat kapada manusia dan jangan mereka menyembunyikan ajaran Kitab Allah daripada manusia."*

Firman Allah Ta'ala lagi dalam Surah Al-Baqarah ayat 159 yang tafsir-nya: *"Bahawa mereka yang menyembunyikan daripada manusia akan apa yang telah Kita (Allah) turunkan dari keterangan2 dan hidayah, sa-telah kita terangkan kapada manusia dalam Kitab Taurat, mereka itu di-la'nat oleh Allah dan di-la'nat oleh pela'nat2 daripada kalangan malaikat2, manusia, dan lain2 pela'nat dengan tiada mendapat Rahmat Allah dan kasehan-Nya."*

Dalam Hadith sahih diriwayatkan dengan berbagai2 jalan, bahawa Nabi (Sallallahu 'Alaihi Wassalam) telah bersabda yang erti-nya: *"Hendak-lah orang yang hadhir daripada kamu yang mendengar ajaran Rasulullah (Sallallahu 'Alaihi Wassalam) menyampaikan kapada yang tiada mendengar."*

Dan hadith2 banyak menyebut dalam perkara mengajar ilmu ugama Islam, dan telah ijma' Ulama Islam bahawa wajib mengajar dan menyampaikan ugama dan ajaran Islam kapada manusia sama ada kapada orang Islam atau orang Kafir.

Orang Islam telah mengabai2kan Fardhu Kifayah dalam perkara mengajar ugama Islam kapada manusia dengan mengadakan sekatan2 dan sharat2. Orang2 Islam dan pemimpin2 Islam sekarang akan berdosa kerana tiada menjalankan Fardhu Kifayah pada menyampaikan ajaran2 Islam, dan pandangan ugama Islam kapada orang2 yang bukan Islam saperti orang Zimmi yang dudok dan tinggal dalam negeri2 Islam, sa-bagaimana di-tegaskan oleh Al-Imam Tajuddin As-Subki (yang meninggal pada tahun 771 Hijrah).

*WALLAHU A'ALAM*

(Bersambong)

## YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS........



HAJI ISMAIL BIN OMAR ABDUL AZIZ (YDM Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama) D.K., P.S.S.U.B., D.S.L.J., S.M.B., P.H.B.S., P.I.S. Azhar dan U. Cairo, Mufti.

# TRADISI LISAN PERLU PENYELIDEKAN MENDALAM

*Uchapan Yang Berhormat, Pemangku Setiausaha Kerajaan, Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Awang Abdul Rahman, dalam majlis penutop Bengkel Amali Pengumpolan Tradisi Lisan di-Brunei pada hari Ahad, 19hb Disember, 1982.*



YB Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Awang Abdul Rahman ketika beruchap di-majlis tersebut.

ALHAMDULILLAH, segala puji bagi Allah yang telah memberi kita hidayat dengan penoh keimanan dan keIslaman, salawat serta salam ka-atas Junjongan kita Nabi Muhammad s.a.w. yang telah mengajar sa-baik2 perkara biar-lah dalam kesederhanaan.

Assalamu Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Saya dengan perasaan tulus ikhlas, sukachita mengalu2kan kehadhiran tuan2 dan puan2 sekalian dalam Majlis Penutop Bengkel Amali Pengumpolan Tradisi Lisan pada malam ini. Kapada peserta2 dari Malaysia dan Indonesia, walau pun agak terlambat sedikit, saya ingin menguchapkan selamat datang ka-Brunei, kapada mereka dan mengalu2kan kehadhiran mereka bersama2 kita pada malam ini, serta saya ingin juga menyuarakan harapan semoga tetamu2 kita itu telah mendapat keselesaan dan layanan yang baik dan sempurna, sa-masa berada di-negeri ini.

Negeri Brunei Darussalam telah pun di-pileh kali ini bagi julong2 kali-nya untok melaksanakan bengkel amali ini. Hakikat ini memberikan kebanggaan kapada kita, dan sudah tentu akan menjadi ristaan di-hari muka. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei pula, melalui jabatan yang berkenaan, khusus-nya Jabatan Muzium telah memberikan sumbangan yang sangat besar erti-nya dalam melaksanakan bengkel ini.

Saya telah di-fahamkan bahawa peserta2 bengkel ini telah pun di-bawa ka-keempat2 buah daerah di-negeri ini, dalam usaha mengkaji dan mengumpol bahan2 mengenai dengan adat, sejarah dan kebudayaan di-kalangan pendudok2 di-negeri ini dari keturunan Murut, Dusun, Punan, Belait dan orang2 Melayu Brunei sendiri. Saya perchaya, kita semua maklom bahawa usaha yang sangat luas bidang-nya ini tidak-lah dapat selesai atau sa-dalam2-nya di-laksanakan dalam tempoh sa-minggu. Sa-orang penyelidek, saya kira, menghendaki masa yang lebeh panjang untok mendalami pengkajian di-dalam aspek2 yang tertentu, saperti yang di-hajati ini. Dengan fahaman itu, tentu-lah dalam usaha membuat sebarang ketetapan atau kesimpolan nanti ada-lah sangat perlu di-ingatkan sekatan2 masa yang telah di-hadapi itu.

Namun demikian, dari aspek positif-nya, hasil2 yang di-perolehi dalam bengkel ini tentu-lah akan dapat di-kumpolkan dan di-bukukan sa-bagai terbitan2 yang boleh membantu penyelidekan2 sa-lanjut-nya, dan boleh menjadi bahan rujokan pehak2 yang meminati-nya. Bengkel ini telah berjaya menggabongkan cherdek pandai yang mempunyai minat yang sama dalam bidang adat, sejarah dan kebudayaan, dan saya perchaya peserta2 dari dalam Negeri Brunei telah dapat melihat, sa-chara praktikal urusan2 penyelidekan yang sistematik, dan telah dapat membinchangkan perkara2 yang menarek minat bersama dengan rakan atau cherdek pandai dari negeri2 jiran. Saya penoh berharap semoga persefahaman dan kerjasama yang telah di-wujudkan sa-lama beberapa hari di-antara tuan2 dan puan2 semua, akan terus dapat di-jalin dengan kukoh, dengan penoh muhibbah yang berkekalan.

Tidak-lah dapat di-sangkalkan, bahawa kita yang mendudoki negeri2 dalam rantau ini ada-lah berasal dari satu rumpun yang sama, yang mana telah di-pisahkan oleh kejadian2 menerusi sejarah pertumbohan negara masing2. Persamaan maseh boleh di-kesan sa-bagai kukoh dari segi bahasa, kebudayaan, dan sa-bahagian besar-nya, dari segi Ugama. Kita di-Brunei maseh kuat menyedari akan hakikat ini, juga akan hakikat sejarah bahawa di-satu masa dulu Brunei sendiri telah merupakan sa-buah kuasa besar yang di-galati dalam rantau ini. Hakikat ini menjadi sumber inspirasi yang sangat kukoh bagi kita semua untok faedah2 kemajuan dan pembangunan yang kini kita tempohi, yang mana kita mempunyai asas yang tertentu dan nyata akan asal-usol kita dan saya perchaya memberikan keyakinan kapada kita semua akan masa hadapan kita, dalam menghadapi chabaran2 pembangunan tahun2 80an dan 90an nanti. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan dengan tegas akan terus berusaha bagi menentukan kemakmoran dan kestabilan negeri ini; dan memainkan peranan, tidak berapa lama lagi, sa-bagai sa-buah negeri yang merdeka dan penoh berdaulat.

Akhir-nya, saya penoh berharap semoga bengkel yang di-adakan kali ini akan di-ikuti pula dengan bengkel2 yang lain di-waktu2 yang akan datang. Dengan harapan yang begitu besar dan dengan harapan bahawa bengkel kali ini telah menchapai sasaran2-nya, maka saya dengan penoh tawakkal jua pada Allah Subhanahu Wata'ala sukachita menutop dengan rasmi Bengkel Amali Pengumpolan Tradisi Lisan kali ini.

Wabillahhi Taufik Walhidayat, Assalam Mu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



GAMBAR penuntut2 yang telah lulus dari kiri: Foo Chek Fook, David, Ismail, Abdul Wahid, Sazzali dan Zainal (berdiri, manakala bertenggong dari kiri) Mohin, Ali dan Zulkipli.

# PELATEH PELAUT PERTAMA LULUS

AWANG Zulkipli bin Mohammad Yassin salah sa-orang pelateh pelaut yang di-hantar oleh Sharikat Minyak Shell ka-Singapura baru2 ini di-samping berjaya menerima sijil kelulusan-nya, beliau juga merupakan sa-orang pelateh yang telah menerima anugerah dari Singapore National Maritime Board kerana berjaya dalam kumpolan kursus kelasi geladak.

Di-samping Awang Zulkipli, sa-ramai lapan orang pelateh lain juga telah berjaya menamatkan latehan mereka dan menerima sijil2 kelulusan dari salah sa-orang Ahli Parlimen Singapura, Enchik Lim Boon Heng di-satu upachara yang berlangsong di-Sekolah Latehan TS 'Singapore'.

Pelateh2 kelasi geladak yang berjaya bersama-nya ia-lah Abdul Wahid Hasnan, Ali Unchat, David Kassim, Mohin Abdul Ghafar, Zainal Abidin Munir. Manakala pelateh2 yang berjaya dalam kursus pemeliharaan bilek jurutera ia-lah Sazzali Muli, Ismail Ahmad and Foo Chek Fook.

Pelateh2 tersebut merupakan kumpolan pertama yang telah di-hantar oleh Sharikat Minyak Shell untok mengikut dua kursus khas merin — geladak dan pemeliharaan. Ada-lah di-jangkakan dengan kejayaan mereka itu, mereka akan dapat mengambil aleh kerja2 yang telah di-kosongkan oleh kelasi2 dan pemelihara2 bilek jentera yang akan bersara dalam beberapa tahun yang akan datang.

Sa-lama menjalani latehan di-atas kapal latehan TS 'Singapore' di-Limbongan Sembawang, pelateh2 berkenaan telah mengikuti 12 bulan bagi kursus jentera dan empat bulan bagi kelasi2 geladak.

Pada masa ini empat orang lagi pelateh sedang mengikuti kursus bilek jentera di-Singapura. Mereka di-jangka akan menamatkan latehan pada bulan Julai tahun depan.

Sementara sa-ramai lapan orang lagi chalun — lima orang yang baru di-ambil bertugas dan tiga orang dari SMR akan mengikuti kursus kelasi geladak akhir bulan ini di-tempat yang sama.



PELANTAR dua tingkat untok penggalian yang telah di-tunda ka-laut untok di-pasang di-Padang Champion.

# Ketekunan menyedia minyak pesawat udara di-kekalkan

KETEKUNAN Sharikat Pemasaran Brunei Shell di-dalam menyediakan minyak bagi pesawat2 udara tetap di-kekalkan.

Satu bukti yang ketara di-dalam menyukong kenyataan ini ia-lah tidak pernah terjadi, walau satu pun kejadian2 atau pun masaalah yang di-laporkan yang berkaitan dengan pengawasan terhadap nilai minyak penerbangan sejak sharikat ini membekalkan minyak tersebut bagi pesawat2 antarabangsa yang mendarat di-Brunei di-dalam awal tahun 70an.






DUA orang kakitangan Sharikat Pemasaran Shell Awg. Murni Besar (kiri) dan Puasa Jais sedang meneliti untok memastikan pembekalan minyak ada-lah berseh dan tidak mengandongi ayer.

Perkara ini dapat di-kekalkan sa-hingga masa ini dan satu faktor yang memberikan sumbangan pada menuju ka-mata-lamat ini ada-lah kerana ketaatan sharikat mengikuti langkah2 tertentu yang di-berikan oleh Shell International Trading Company di-London untok mempastikan pembekalan minyak yang berseh dan bebas daripada champoran ayer.

Proses-nya sudah tentu melibatkan satu sistem yang komplikated di-dalam pengawasan nilai dan dengan kerjasama keseluruhan kakitangan sharikat pengeluaran-nya sering di-iktiraf di-tempat yang paling atas oleh Merinyu2 Penerbangan dari Shell Antarabangsa di-London.

Di-samping membekalkan minyak penerbangan, Sharikat Pemasaran Brunei Shell juga menyediakan perkhidmatan2 teknikal kapada Chawangan Udara, Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei dan kapada Tentera British, Penerbangan "C" bagi pemeliharaan kemudahan2 penambahan minyak.



SALAH sa-buah kenderaan tangki minyak ketika mengisi minyak ka-salah sa-buah kapal terbang Boeing 737 kepunyaan Diraja Brunei di-Lapangan Terbang Antarabangsa.

## Sambongan jeket di-pasang

SA-BUAH jeket pelantar penggalian CPDP-AK/BG untok Padang Champion telah pun di-tunda ka-laut melalui tongkang di-galangan Chung Pah Hing di-Kuala Belait pada 12hb. Disember yang baru lalu, berukoran enam cheruchok, 12 telaga dan berat 303 tan.

Jeket tersebut pada mula-nya di-ranchang bagi penggunaan CPDP-AK, tetapi di-aleh dan di-gunakan untok penggalian yang baru di-Padang Champion di-mana telaga2 tambahan di-perlukan.

Tempat2 baru berkenaan yang di-panggil CPDP-BG berukoran 112 kaki dalam dasar laut ia-itu lebeh 27 kaki daripada CPDP-AK. Ini memerlukan tambahan 27 kaki panjang perlu di-bena bagi membolehkan jeket berkenaan boleh di-pasang di-kawasan baru itu.

Benaan tambahan itu juga mempunyai berat kira2 116 tan yang pada masa ini menjalani kerja2 pemasangan di-kawasan tedoh di-Pangkalan Muara yang di-jangka siap penghujong tahun ini. Manakala kerja2 penggalian di-jangka akan bermula pada awal Februari depan.

# RUANGAN SOKAN

*Kelolaan: Manaf Rahman*



YB Pengarah Kerja Raya, Pg. Ismail Pg. Hj. Damit ketika di-perkenalkan kapada para pemain pasokan JKR sa-jurus sa-belum permainan di-mulakan.

## *Piala Aziz:* LETRIK TEWASKAN JKR

KESILAPAN pemain pertahanan JKR di-minit ke-51 sa-paroh masa kedua membawa padah dan membolehkan Jabatan Letrik merebut mahkota kejuaraan Piala Aziz bagi tahun ini dengan kemenangan tipis 1 — 0.

Hasil dari satu gerakan mengejutkan di-sebelah kiri, pemain sayap Letrik, Rahim Omar terus menghantar bola ke-tengah dan Serbini Razali, tunggak pertahanan JKR tertendang bola tersebut ka-gol sendiri dalam usaha mengawal keadaan.

Keselurohan permainan ada-lah lembab di-tambah dengan keadaan padang yang bechak. Kedua2 pasokan gagal menunjokkan kelakunan yang menarek sa-olah2 hilang imejinasi dalam mengator serangan2 yang merbahaya.

Kedua pasokan saling berbalas serangan tapi hanya sa-takat ka-kawasan kotak penalti. Tetapi benteng pertahanan Letrik lebeh kukoh dengan barisan Ak. Suhaili, Said Bakar, Mustadza Trokie dan Ibrahim Bakar.

Pasokan Letrik berpeluang untok menambahkan gol bila pengadil memberikan satu tendangan penalti di-minit ke 84 bila salah sa-orang pemain pertahanan JKR terkena bola di-tangan.

Bagaimana pun, Roslan Yusof gagal merebut peluang tersebut dan hanya menggelengkan kepala bila tendangan-nya terkena tiang gol sa-belum di-selamatkan oleh penjaga gol JKR.



JURULATEH Kebangsan,
Awang Hj Idris begitu serius menunjok chara taktik menyerang dalam latehan minggu lepas.

Gambar2 oleh : PG. YAAKUB

SEKIM LATEHAN OLAHRAGA

# SAMBUTAN MEMBANGGAKAN

SAMBUTAN dari ahli2 olahraga negeri ini begitu membanggakan pada Sekim Latehan Olahraga sejak ia-nya bermula pada 8hb Disembar lepas di-Daerah Brunei dan Muara dan 13hb. Disember di-Belait.

Sa-ramai 57 orang olahraga di-daerah ini giat menjalani latehan dan ini di-tambah dengan keramaian 47 olahraga dari Tutong dan Belait yang berpusat di-daerah tersebut.

Latehan berjalan tiga kali sa-minggu di-bawah kelolaan jurulateh dari Jepun Awang Hiroo Ichikawa dan di-bantu oleh penolong jurulateh, Awang Norsah Haji Abdullah dan Awang Haji Yaakub bin Muhammad.

Bagaimana pun sejak ia-nya bermula, sessi latehan hanya di-tekankan pada ketahanan fizikal. Ini akan berlanjutan sa-hingga akhir bulan ini.

Awang Norsah ketika menjelaskan perkembangan sekim ini berkata: "Pada awal Januari depan baru-lah kami akan membuat 'time trial' untok peserta2 pelateh. Latehan ketahanan ini akan berlanjutan sa-hingga akhir bulan Disember."



SA-BAHAGIAN dari olahraga2 wanita yang menjalani latehan dengan di-awasi oleh Awang Hiroo Ichikawa (kiri).



OLAHRAGA2 achara trek kelihatan tekun menjalani latehan 'daya ketahanan' di-perhatikan oleh penolong jurulateh, Awang Haji Yaakub Mohammed.

Achara trek yang di-selitkan ia-lah 100 dan 200m, 100 dan 110 meter lompat pagar, lompat jauh, lompat kijang, lompat tinggi dan lompat bergalah.

Achara padang termasok buang peluru, lempar piring dan lontar lembing.

Sa-takat ini pelateh2 hanya di-tekankan pada latehan memechut (sprint) bagi mereka yang mengambil achara 100 dan 200 meter, 100 dan 110 meter lompat pagar, lompat jauh, lompat kijang dan lompat tinggi.

## Ali Haji Ismail ghairah

PENJAGA gol kebangsaan Brunei, Ali Haji ISmail begitu ghairah untok memenohi kembali pasokan kebangsaan bila bermula-nya siri Piala Malaysia musim ini.

Ahli yang begitu gigeh menjalani latehan dalam skuad kebangsaan yang sedang giat menjalani latehan, kelihatan begitu bersunggoh2 menchapai kechergasan bagi membolehkan diri-nya menunjokkan kelakunan yang chemerlang.

Kehadhiran penjaga gol tinggi lampai ini sa-kali gus menolak segala spekulasi tentang persaraan-nya dari mewakili pasokan negeri.

Berumor 26 tahun, beliau merupakan penjaga gol yang paling menarek perhatian peminat2 kejohanan Piala Malaysia di-dalam dan luar negeri.

Kechemerlangan-nya bukan sa-takat di-kejohanan ini malah di-perengkat antarabangsa sa-hingga dapat membuka mata Persatuan Bolasepak Sabah (SAFA) untok mendapat khidmat-nya bagi mewakili pilehan Sabah menentang Santa Catarina, Brazil pada bulan Ogos lepas bersama Pg. Tajuddin. Satu penchapaian yang sukar di-tandingi!

Ali mempunyai dua matalamat. Ingin membaiki rekod-nya dalam mengawal gawang Brunei dan membantu negeri ini menchapai kejayaan dalam siri Piala Malaysia nanti.

## Skuad Kebangsaan Piala Malaysia: TIDAK ADA PERUBAHAN

SKUAD Kebangsaan Piala Malaysia bagi musim ini pada keselurohan-nya tidak ada perubahan. Kesebelasan pemain utama mungkin maseh terdiri dari muka2 lama.

Rata2 pemain2 yang kini sedang menjalani latehan sejak dua minggu lepas ada-lah pemain2 utama kebangsaan yang pernah mewakili negeri di-kejohanan2 yang lepas.

Tenaga2 mereka mungkin di-perlukan oleh negeri di-tambah lagi dengan pengalaman yang luas dan sa-kali gus amat sukar pemain2 muka baru mengambil aleh kedudokan mereka apatah untok menggugat-nya apabila skuad penamat di-namakan nanti.

Sa-panjang latehan, pemain2 utama saperti Ali, Ahmad Metarsad, Morni, Shari, Pg. Tajuddin dan yang lain-nya ternyata begitu serius untok menchapai kechergasan yang tinggi.

Pemain2 muka baru yang turut di-panggil bagi mengikuti latehan hanya akan berebut tempat bagi di-selitkan dalam skuad penamat saja.

Masa hanya tinggal sa-minggu dari sekarang bagi mereka membuktikan keupayaan masing2 bagi menarek perhatian jurulateh kebangsaan.

Mereka terpaksa berhempas pulas di-sa-panjang latehan untok sama2 merebut kedudokan dalam pilehan terakhir nanti.

Jurulateh skuad Piala Malaysia, Awang Haji Idris Hamid mungkin tidak ada masaalah menamakan kesebelas pemain utama-nya. Tugas beliau hanya untok menyelitkan beberapa pemain bagi memenohi skuad penamat 18 orang saja.

Kehadhiran kesemua pemain utama negeri telah membolehkan serba sedikit jurulateh tersebut menjalankan latehan2 taktik di-mana susunan latehan awal terganggu di-sebabkan ketiadaan beberapa pemain utama.

Jurulateh skud Piala Malaysia itu sejak minggu lepas hanya menekankan kapada taktik meyerang dan ini mungkin berlanjutan hingga ka-latehan pusat bagi menghasilkan serangan yang lebeh berkesan.

Latehan taktik berjalan pada sa-tiap hari Isnin hingga Rabu manakala sessi latehan kechergasan di-khususkan pada hari Khamis dan perlawanan persahabatan di-adakan pada Jumaat dan Ahad.

# KENYATAAN2 DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## TAWARAN UNTOK: SUPPLY AND INSTALLATION OF PROPRIETORY STORAGE SYSTEM TO COMBAT ENGINEER SQUADRON, PENANJONG CANTONMENT, TUTONG FOR R.B.M.R.

TAWARAN2 ada-lah di-jemput oleh Pengerusi Lembaga Tawaran yang beralamat di-Pejabat Kewangan Negara, Brunei tingkat bawah, Bangunan Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei dari Pemborong Specialist sa-hingga hari Isnin 17hb Januari 1983 jam 12.00 tengah hari bagi pembenaan projek yang tersebut di-bawah:—

SUPPLY AND INSTALLATION OF PROPRIETORY STORAGE SYSTEM TO COMBAT ENGINEER SQUADRON, PENANJONG CANTONMENT, TUTONG FOR R.B.M.R.

2. Tawaran2 yang di-terima lewat dari tarikh dan masa yang di-sebutkan di-atas akan tidak di-layan.

3. Tawaran2 hendak-lah di-hantar melalui sampul surat yang bertutop dengan tidak memberikan apa2 identiti pemborong dan sampul surat itu mesti-lah di-tujukan kapada Pengerusi, Lembaga Tawaran, Bangunan Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei dan mesti-lah di-tanda dengan saperti berikut: —

TAWARAN UNTOK: SUPPLY AND INSTALLATION OF PROPRIETORY STORAGE SYSTEM TO COMBAT ENGINEER SQUADRON, PENANJONG CANTONMENT, TUTONG FOR R.B.M.R.

4. Dokumen2 dan lukisan2 tawaran yang berkenaan boleh-lah di-lihat dan di-dapati dari yang berikut:—

SAA PARTNERSHIP
Yunit 1, Blok E,
Tingkat Pertama
Bangunan Jefri Bolkiah,
Seri Kompleks
Jalan Tutong,
Bandar Seri Begawan,
Brunei

mulai dari hari Rabu 29hb Disember 1982 hingga jam 4.00 petang hari Khamis 6hb Januari 1983.

5. Chagaran tawaran (tender deposit) sa-banyak B$500.00 (Lima Ratus Ringgit Sahaja) ada-lah di-kehendaki di-bayar oleh pemborong2 yang hendak menghantar tawaran. Chagaran tawaran ini akan di-kembalikan kapada semua pemborong2 yang tidak berjaya yang menghantar tawaran yang berseh (bona fide tender).

6. Tawaran2 mesti-lah di-hantar dengan menggunakan borang2 tawaran yang telah di-sediakan. Tawaran yang mempunyai pengechualian tidak di-layan.

7. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei tidak akan terikat menerima tawaran2 yang rendah atau pun apa2 jua tawaran.

## THE SUPPLY, DELIVERY AND INSTALLATION OF DOOR SIGNS AND KEY TAGS FOR THE PROPOSED ARTILLERY REGIMENT COMPLEX AND GARRISON WORKSHOP FOR THE RB.M.R.

TAWARAN2 ada-lah di-jemput oleh Pengerusi Lembaga Tawaran yang beralamat di-Pejabat Kewangan Negara, Brunei tingkat bawah, Bangunan Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei dari Pemborong2 Kelas 'C' and/or Specialist sa-hingga hari Isnin 10hb Januari 1983 jam 12.00 tengah hari bagi pembenaan projek yang tersebut di-bawah:—

THE SUPPLY, DELIVERY AND INSTALLATION OF DOOR SIGNS AND KEY TAGS FOR THE PROPOSED ARTILLERY REGIMENT COMPLEX AND GARRISON WORKSHOP FOR THE R.B.M.R. PENANJONG CANTONMENT, BRUNEI.

2. Tawaran2 yang di-terima lewat dari tarikh dan masa yang di-sebutkan di-atas akan tidak di-layan.

3. Tawaran2 hendak-lah di-hantar melalui sampul surat yang bertutop dengan tidak memberikan apa2 identiti pemborong dan sampul surat itu mesti-lah di-tujukan kapada Pengerusi, Lembaga Tawaran, Bangunan Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei dan mesti-lah di-tanda dengan saperti berikut:—

TAWARAN UNTOK THE SUPPLY, DELIVERY AND INSTALLATION OF DOOR SIGNS AND KEY TAGS FOR THE PROPOSED ARTILLERY REGIMENT COMPLEX AND GARRISON WORKSHOP FOR THE R.B.M.R. PENANJONG CANTONMENT, BRUNEI.

4. Dokumen2 dan lukisan2 tawaran yang berkenaan boleh-lah di-lihat dan di-dapati dari yang berikut: —

HO KWONG YEW DAN ANAK2 AKITEK2
406, Bangunan Guru2 Melayu
Bandar Seri Begawan

mulai dari hari Rabu 29hb Disember 1982 hingga jam 4.00 petang hari Khamis 6hb Januari 1983.

5. Chagaran tawaran (tender deposit) sa-banyak $100.00 (Ringgit Satu Ratus sahaja) ada-lah di-kehendaki di-bayar oleh pemborong2 yang hendak menghantar tawaran. Chagaran tawaran ini akan di-kembalikan kapada semua pemborong2 yang tidak berjaya yang menghantar tawaran yang berseh (bona fide tender).

6. Tawaran2 mesti-lah di-hantar dengan menggunakan borang2 tawaran yang telah di-sediakan. Tawaran yang mempunyai pengechualian tidak di-layan.

7. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei tidak akan terikat menerima tawaran2 yang rendah atau apa2 jua tawaran.

## JABATAN PELAJARAN BRUNEI — PEMBERITAHUAN TAWARAN PEMBEKALAN ALAT2 DAN KEPERLUAN2 SEKOLAH/MAKTAB BAGI TAHUN 1983

1. Sharikat2/Pembekal2 yang berdaftar dengan Jabatan Pelajaran ada-lah di-pelawa untok menghadapkan tawaran kapada Pengerusi, Lembaga Tawaran, Brunei sa-hingga hari Sabtu 15hb Januari 1983 jam 4.30 petang untok di-pileh menjadi pembekal yang di-luluskan (approved supplier) bagi tahun 1983.

2. Tawaran yang di-terima lewat dari tarikh dan masa yang di-tetapkan tidak akan di-layan.

3. Keterangan2 lanjut serta borang2 tawaran boleh di-perolehi di-Bahagian Pentadbiran, Ibu Pejabat Pelajaran, Lapangan Terbang Lama, Berakas.

4. Tawaran2 mesti-lah di-hantar di-dalam sampul surat yang bertutop dan di-alamatkan kapada Pengerusi Lembaga Tawaran, Bangunan Pejabat Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei serta di-tulis tanda dengan terang saperti di-bawah ini: —

"TAWARAN PEMBEKALAN ALAT2 DAN KEPERLUAN2 SEKOLAH/MAKTAB BAGI TAHUN 1983".

5. Chagaran tawaran (tender deposit) sa-banyak $500.00 untok tiap2 bahagian atau kategori pembekalan hendak-lah di-bayar pada masa mendaftar dan wang itu akan di-kembalikan kapada pemohon2 yang tidak berjaya. Jika pemohon2 berjaya dan kemudian-nya menolak tawaran, maka wang chagaran-nya tidak akan di-kembalikan.

6. Pemohon2 mesti-lah mempunyai sharikat perniagaan yang berdaftar. Salinan Sijil Pendaftaran perniagaan hendak-lah di-sertakan bersama2 dengan borang tawaran yang telah di-isikan.

7. Kerajaan tidak akan terikat kapada mana2 tawaran atau tawaran2 yang paling rendah.

8. Berikut ada-lah masa2 bagi mengambil borang2 tawaran.

| | | | |
|---|---|---|---|
| Hari Isnin hingga Khamis | 8.30 pagi | — | 12.00 tengah hari |
| | 2.00 petang | — | 3.00 petang |
| Hari Sabtu | 8.30 pagi | — | 10.00 pagi |

## TAWARAN JABATAN PERBEKALAN SETOR2 DAN NEGARA

TAWARAN2 akan di-terima oleh Pengurusi Lembaga Tawaran, Brunei di-Pejabat Kewangan Negara, Bandar Seri Begawan, sa-hingga 12.00 tengah hari, hari Isnin, 17hb. Januari, 1983 bagi membekalkan barang2 yang tersebut di-bawah untok Jabatan Setor dan Perbekalan2 Negara, Brunei.

Tawaran Bil. 133/82 — Pembekalan Broom Head Nylon dan lain2.

Tawaran Bil. 134/82 — Pembekalan Blanket Nylon.

Tawaran Bil. 135/82 — Pembekalan WD 40 Aerosol dan Swarfega (Industrial Hand Cleaner).

Tawaran Bil. 136/82 — Pembekalan Rubber Dust Bin with Lid.

Tawaran Bil. 137/82 — a) Pembekalan 4 nos Wickham lift and force double diaphragm pumps with 4" suction and 4" delivery connections and powered with LTI Mark II air cooled diesel engines and mounted on high speed road trailer.

b) 4 nos sets of recommended pump and engines spares.

Tawaran Bil. 138/82 — Flyght Pump Submersible Model 3085 Lt 3 phase impeller curve 414 volts 415.
CS Pedestal version for free standing installation. Flow passage 75mm (3") complete with all necessary fittings. Amoured delivery hose nominal diameter 75mm (3") length 5m including galvanised clamps. Automatic control pannel (weather proof) for operation at one pump. ENH 10 level regulators 6m cable. Power cable 8m length.

Butir2 lanjut mengenai sharat2 tawaran boleh-lah di-perolehi dari Pejabat Setor2 dan Perbekalan2 Negara, Batu 3½, Jalan Gadong, Brunei semasa waktu2 bekerja.

## PEMBERITAHUAN TAWARAN No. 1/1983

## JABATAN PASOKAN BOMBA BANDAR SERI BEGAWAN

SHARIKAT2 tempatan/pemborong2 yang berdaftar ada-lah di-pelawa bagi menghantar tawaran kapada Pengerusi Lembaga Tawaran Pejabat Kewangan Negara, Tingkat Bawah Bangunan Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei untok membekalkan "Kain2" yang tersebut di-bawah yang di-gunakan di-awal tahun 1983 ini.

a) Jenis Kain IMA No. 5894 Polyester Gabendine Suiting.

b) Jenis Kain Decron, Polyester/Viscose.

2. Semua surat2 tawaran hendak-lah menyatakan harga kain tiap2 sa-ela/Meter dan dengan sampul surat yang tertutop.

3. Surat2 tawaran hendak-lah di-alamatkan kapada: — Pengerusi Lembaga Tawaran, Bangunan Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan. Dan sampul surat hendak-lah bertanda "Tawaran bagi membekalkan Kain2 Jabatan Pasokan Bomba BSB". Permohonan tersebut hendak-lah di-hantar tidak lewat pada 8hb Januari, 1983 jam 4.30 petang.

4. Keterangan2 lanjut mengenai dengan Warna dan Jenis Kain2 tersebut boleh-lah di-dapati dari Penyelenggara Setor Ibu Pejabat Pasokan Bomba Bandar Seri Begawan.

5. Kerajaan tidak akan terikat untok menerima tawaran2 yang paling rendah atau sabalek-nya.

## TAWARAN JABATAN SETOR2 DAN PERBEKALAN2 NEGARA

TAWARAN2 akan di-terima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Brunei di-Pejabat Kewangan Negara, Bandar Seri Begawan sa-hingga 12.00 tengah hari, hari Isnin, 24hb Januari, 1983 bagi membekalkan barang2 yang tersebut di-bawah untok Jabatan Setor2 dan Perbekalan2 Negara, Brunei.

Tawaran Bil. 139/82—Pembekalan Asbestos Cement Presure Pipe and Joints to B.S. 486/1966 Class 'B' Bitumen Dipped Pipes to be suitably protected Against Chipping at ends. Pipes should be in standard length of 4 metres.

Tawaran Bil. 140/82—Pembekalan Steel Pipes and Fittings shall conform to B.S. 3601 of 1982 etc.

Tawaran Bil. 141/82—Pembekalan Cast Iron Plain Ended Sluice Valve to B.S. 1218 Class I fitted with spindle cap arranged for clockwise closing etc.

Tawaran Bil. 142/82—Pembekalan Cast Iron Specials and Fittings to B.S. 78/65 and 2035/66 Flanges Drilled to B.S. 10 Table 'D' suitable for use with A.C. Pipe Class 'B'.

Tawaran Bil. 143/82—Pembekalan Soda Ash Granular (Sodium Carbonate).

Butir2 lanjut mengenai sharat2 tawaran boleh-lah di-perolehi dari Pejabat Setor2 dan Perbekalan2 Negara, Batu 3½, Jalan Gadong, Brunei semasa waktu2 pejabat.

## PEMBERITAHUAN TAWARAN

### PEMOTONGAN RUMPUT DAN BELUKAR

TAWARAN2 ada-lah di-jemput oleh Pengerusi Lembaga Tawaran yang beralamat di-Pejabat Kewangan Negara Brunei tingkat bawah, Bangunan Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei dari pemborong2 tempatan sa-hingga hari Rabu 12hb Januari, 1983 jam 12.00 tengah hari bagi kerja2 tersebut di-bawah: —

PEMOTONGAN RUMPUT DAN BELUKAR DALAM KAWASAN BANDARAN, BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI TAHUN 1983.

2. Kerja2-nya hendak-lah di-jalankan sa-baik2 sahaja tawaran di-keluarkan atau satu tarikh yang akan di-tetapkan.

3. Tawaran hendak-lah menyatakan harga tawaran bagi satu2 kawasan yang di-maksudkan dalam jadual yang di-sediakan.

4. a) Maaloman2 lanjut dan spesifikasi tawaran boleh-lah di-perolehi daripada Setiausaha Lembaga Bandaran, Bandar Seri Begawan, Brunei.

b) Pemereksaan kedudokan dan keluasan satu kawasan boleh-lah di-lakukan semasa waktu pejabat.

5. Tawaran2 hendak-lah di-hantar dalam sampul surat yang bertutop tanpa membuboh hal ehwal yang menawar tetapi hanya dengan perkataan "SULIT — PEMOTONGAN RUMPUT DAN BELUKAR" dan di-alamatkan kapada Pengerusi Lembaga Tawaran, Brunei.

6. Chagaran tawaran (tender deposit) sa-banyak $500.00 (Ringgit Lima ratus sahaja) ada-lah di-kehendaki di-bayar oleh pemborong2 yang hendak menghantar tawaran. Chagaran tawaran ini akan di-kembalikan kapada semua pemborong2 yang tidak berjaya.

7. Tawaran di-terima selepas itu tidak akan di-layan dan Kerajaan tidak akan terikat menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran mengenai-nya.

## SUCCESSFUL TENDERS

1 Tender for access road for dumping ground — Tumasek General Contractor — $125,500 — 45 days.

2 Tender for Contract JUA 41 — Bangar Town topographical survey — Jurukur Perunding — $1,250 per hectare — 10 days.

3 Tender for electrical installation for exhibition hall, Dewan Bahasa — Lai Electrical Company — $7,106.00.

4 Tender for air conditioning Pusat Dakwah — Borneo Air Conditioning & Eng — $905,029.20.

5 Tender for re-roofing Fire Brigade JKR No 231, Seria — Messrs Ambrose Guma & Sons — $48,750.00—2½ months.

6 Tender for electrical installation for Kg Kiarong Primary School — Hj Sulong Electrical & Engineering Pte Ltd — $329,591.00.

7 Tender for maintenance of split type room units — Malayan Electrical Company—$38,340.00 per year or $3,195.00 per month.

8 Tender for electrical installation for Co-operative Development Dept general store — Zaimah Contractor — $77,622.00.

9 Tender for earthfill for Berakas Dept, Kg Sinarubai — Hj Mohd Hassan Abdullah — $291,000 — 4½ months.

10 Tender for roof and garage to MB's residence — Maju Jaya Pte Ltd — $431,400.00 — 5½ months.

# KENYATAAN2 DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

BRUNEI

## B.S.P. TENDER NOTICE No. SSU 22/82

Item 1 — $3\frac{1}{2}''$ x 30' Rejected Tubing, Approximately 16,000 Joints.

Item 2 — $2\frac{7}{8}''$ x 30' Rejected Tubing, Approximately 2,000 Joints.

Item 3 — $2\frac{3}{8}''$ x 30' Rejected Tubing, Approximately 800 Joints.

Tenders can submit a bid for any amount of tubing upto the maximum stated above, but should not bid for less than 1000 joints for item 1 or 2.

Note : The above items may be viewed at SSU/242 Main Yard, Seria.

1. The closing date for receipt of Tenders shall be 1600 hours on 4th January 1983. Tenders should be addressed in sealed envelopes to : —

Supplies Superintendent,
Brunei Shell Petroleum Company Limited,
Seria,
State of Brunei.

"Endorsed : B.S.P. Tender Notice No. SSU/22/82"

2. The submission of a tender shall be deemed to constitute acceptance by the tenderer of all the terms of tendering. All other terms of tendering are as usual, and can be obtained on request at the SSU/15 office.

### SUPPLY, DELIVERY AND INSTALLATION OF PROPRIETARY STORAGE SYSTEMS FOR THE LOGISTICS DEPOT FOR RBMR CAMP AT BOLKIAH

TAWARAN2 ada-lah di-jemput oleh Pengerusi Lembaga Tawaran yang beralamat di-Pejabat Kewangan Negara, Brunei tingkat bawah, Bangunan Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei dari Specialist and Local Agent of Manufacturers sa-hingga hari Isnin, 17hb Januari 1983 jam 12.00 tengah hari bagi pembenaan projek yang tersebut di-bawah : —

SUPPLY, DELIVERY AND INSTALLATION OF PROPRIETARY STORAGE SYSTEM FOR THE LOGISTICS DEPOT FOR RBMR CAMP AT BOLKIAH BRUNEI.

2. Tawaran2 yang di-terima lewat dari tarikh dan masa yang di-sebutkan di-atas akan tidak di-layan.

3. Tawaran2 hendak-lah di-hantar melalui sampul surat yang bertutop dengan tidak memberikan apa2 identiti pemborong dan sampul surat itu mesti-lah di-tujukan kapada Pengerusi, Lembaga Tawaran, Bangunan Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei dan mesti-lah di-tanda dengan saperti berikut : —

TAWARAN UNTOK SUPPLY, DELIVERY AND INSTALLATION OF PROPRIETARY STORAGE SYSTEM FOR THE LOGISTICS DEPOT FOR RBMR CAMP AT BOLKIAH BRUNEI.

4. Dokumen2 dan lukisan2 tawaran yang berkenaan boleh-lah di-lihat dan di-dapati dari yang berikut : —

HO KWONG YEW DAN ANAK2 AKITEK2
406, Bangunan Guru2 Melayu
Bandar Seri Begawan

mulai dari hari Rabu 15hb Disember 1982 hingga jam 4.00 petang hari Isnin 10hb Januari 1983.

5. Chagaran tawaran (tender deposit) sa-banyak $1,000.00 (Ringgit Satu Ribu Sahaja) ada-lah di-kehendaki di-bayar oleh pemborong2 yang hendak menghantar tawaran. Chagaran ini akan di-kembalikan kapada semua pemborong2 yang tidak berjaya yang menghantar tawaran yang berseh (bona-fide tender).

6. Tawaran2 mesti-lah di-hantar dengan menggunakan borang2 tawaran yang telah di-sediakan. Tawaran yang mempunyai pengechualian ti-dak di-layan.

7. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei tidak akan terikat menerima tawaran2 yang rendah atau apa2 jua tawaran.

## PEMBERITAHUAN TAWARAN2 JABATAN PERKHIDMATAN LETRIK, BRUNEI

### TAWARAN BIL. 146/1982

TAWARAN2 ada-lah di-pelawa dari pemborong2 berkelayakan sahaja yang akan di-terima oleh Lembaga Tawaran yang beralamat di-Bangunan Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei sa-hingga jam 12.00 tengah hari Isnin, 10hb Januari, 1983 bagi kerja2 berikut:—

PEMASANGAN LETRIK UNTOK GRANDSTAND BAGI KOMPLEKS SOKAN DI-JALAN BERAKAS.

Dokumen2 tawaran dan penerangan2 yang lanjut boleh-lah di-lihat dan di-perolehi dari Jabatan Perkhidmatan Letrik, Bandar Seri Begawan, Brunei.

Chengkeram (deposit) untok tawaran ini ada-lah $300.00.

### TAWARAN BIL. 150/1982

TAWARAN2 ada-lah di-pelawa dari pemborong2 berkelayakan sahaja yang akan di-terima oleh Lembaga Tawaran yang beralamat di-Bangunan Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei sa-hingga jam 12.00 tengah hari Isnin, 10hb Januari, 1983 bagi kerja2 berikut:—

PEMASANGAN LAMPU2 HIGH-MAST FLOOD-LIGHT UNTOK KAWASAN CONTAINER DI-PELABOHAN MUARA.

Dokumen2 tawaran dan penerangan2 yang lanjut boleh-lah di-perolehi dari Pejabat Perkhidmatan2 Letrik, Bandar Seri Begawan, Brunei.

Deposit (chengkeram) untok tawaran ini ada-lah $100.00.

### TAWARAN BIL. 151/1982

TAWARAN2 akan di-terima oleh Lembaga Tawaran, Pejabat Setiausaha Kerajaan Bandar Seri Begawan, Brunei sa-hingga jam 12.00 tengah hari, Isnin 17hb Januari 1983 bagi kerja2 yang berikut:—

TAWARAN UNTOK MEMBERSEHKAN LALUAN TALIAN PENGALIRAN OVER-HEAD 33,000 VOLTS/66,000 VOLTS.

Dokumen2 tawaran dan penerangan2 yang lanjut boleh-lah di-lihat dan di-perolehi dari Jabatan Perkhidmatan Letrik, Bandar Seri Begawan. Brunei.

Chengkeram (deposit) untok tawaran ini ia-lah $300.00.

### TAWARAN BIL. 152/1982

TAWARAN2 ada-lah di-pelawa dari Pemborong2 Pemasangan Letrik yang berdaftar Kelas 'A' dan 'B', yang akan di-terima oleh Lembaga Tawaran yang beralamat di-Bangunan Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei sa-hingga jam 12.00 tengah hari, hari Isnin 10hb Januari 1983 bagi kerja2 yang berikut : —

PEMASANGAN LETRIK UNTOK 1 BLOK 12 UNIT FLAT KELAS "E" SEKOLAH MELAYU LIMAU MANIS, DI-KAMPONG LIMAU MANIS, BRUNEI.

Dokumen2 tawaran dan penerangan2 yang lanjut boleh-lah di-lihat dan di-perolehi dari Jabatan Perkhidmatan Letrik, Bandar Seri Begawan, Brunei.

Deposit (chengkeram) untok tawaran ini ada-lah $200.00.

### TAWARAN BIL. 153/1982

TAWARAN2 ada-lah di-pelawa dari Pemborong2 Pemasangan Letrik yang berdaftar Kelas 'A', 'B' dan 'C' yang akan di-terima oleh Lembaga Tawaran yang beralamat di-Bangunan Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei sa-hingga jam 12.00 tengah hari, hari Isnin 10hb Januari 1983 bagi kerja2 yang berikut:—

PEMASANGAN LETRIK UNTOK SAMBONGAN OPIS DAN LETAK KERETA BAGI PEJABAT UGAMA, KUALA BELAIT.

Dokumen2 tawaran dan penerangan2 yang lanjut boleh-lah di-perolehi dari Pejabat Perkhidmatan2 Letrik, Bandar Seri Begawan, Brunei.

Deposit (chengkeram) untok tawaran ini ada-lah $200.00.

### TAWARAN BIL. 154/1982

TAWARAN2 ada-lah di-pelawa dari Pemborong2 Pemasangan Letrik yang berdaftar Kelas 'A', 'B' dan 'C' yang akan di-terima oleh Lembaga Tawaran yang beralamat di-Bangunan Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei sa-hingga jam 12.00 tengah hari, hari Isnin 10hb Januari 1983 bagi kerja2 yang berikut:—

PEMASANGAN LETRIK UNTOK 1 BUAH RUMAH BIDAN KELAS 'F' DI-KAMPONG LUMUT.

Dokumen2 tawaran dan penerangan2 yang lanjut boleh-lah di-lihat dan di-perolehi dari Jabatan Perkhidmatan Letrik, Bandar Seri Begawan, Brunei.

Deposit (chengkeram) untok tawaran ini ada-lah $200.00.

### TAWARAN BIL. 155/1982

TAWARAN2 ada-lah di-pelawa dari Pemborong2 Pemasangan Letrik yang berdaftar Kelas 'A', 'B' dan 'C' yang akan di-terima oleh Lembaga Tawaran yang beralamat di-Bangunan Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei sa-hingga jam 12.00 tengah hari, hari Isnin 10hb Januari 1983 bagi kerja2 yng berikut:—

PEMASANGAN LETRIK BAGI CHADANGAN KE-LINIK PERUBATAN DAN KESIHATAN DI-SUNGAI TERABAN, KUALA BELAIT.

Dokumen2 tawaran dan penerangan yang lanjut boleh-lah di-lihat dan di-perolehi dari Jabatan Perkhidmatan Letrik, Bandar Seri Begawan, Brunei.

Deposit (chengkeram) untok tawaran ini ada-lah $200.00.

## MEDICAL DEPARTMENT TENDER NOTICE

### SUPPLY OF STOCK TO THE CENTRAL STATE LABORATORY

TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board, at the office of the State Financial Officer, Ground Floor of the State Secretariat Office, Bandar Seri Begawan, Brunei by 12.00 noon on Monday 17th January, 1983 for SUPPLY OF STOCK TO THE CENTRAL STATE LABORATORY, BRUNEI. Tenders received after this time will be rejected.

2. Tenders are invited to supply for the items from 1st January, 1983 to the 31st December, 1983. Due to limitation of shelf-life of some of the re-agents or test kits, tenders will be required to supply items at regular intervals, e.g. by monthly, quarterly etc as and when instructed.

3. The successful tenders will be prepared to stock in air-conditioned rooms, refrigerators or freezers accordingly until required. Stocks must reach us in appropriate packing and at desired temperature if this is required.

4. Tenders must supply stocks with long expiry dating.

5. Tenders for items which are listed with manufacturer or catalogue number must be the exact items, because alternative cannot be used.

6. Manufacturer with catalogue number must be listed or samples submitted for verification purposes for those "please specify" items. Samples thus submitted will not be returned to the tenderers.

7. List of items for tender for the above department can be obtained from Account Section, Medical Headquartrs, Bandar Seri Begawan, Brunei.

8. Tenders must be placed in plain sealed envelope on the face of which should be written SUPPLY OF STOCK TO THE CENTRAL STATE LABORATORY, BRUNEI. There must be no indication on the cover of the name of the tenderer.

9. Tender deposit will be $500.00.

10. Government does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## MEDICAL DEPARTMENT TENDER NOTICE

### SUPPLY OF ANTIBIOTICS TO GENERAL HOSPITAL

TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board, at the office of the State Financial Officer, Ground Floor of the State Secretariat Office, Bandar Seri Begawan, Brunei by 12.00 noon on Monday 17th January, 1983 for SUPPLY OF ANTIBIOTICS TO GENERAL HOSPITAL, BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI. Tenders received after this time will be rejected.

2. That tenders may only be accepted from authorised Pharmaceutical distributors under this Poisons Enactment.

3. That ALL items suppled must be at least $1\frac{1}{2}$-2 years to expiry date.

4. That all tenders must be accompanied by : —

a) Samples of product offered— 10 units in case of tablets or capsules, 1 vial in case of injections, 60ml. in case of syrup, and 1 can in case of sprays.

b) Information leaflet on each product offered, indicating name of antibiotic, country of origin and manufacturer of this antibiotic.

c) A copy of Crtificate of Analysis of each item offered must also be submitted.

5. The successful tenderer will be required to store stocks of drugs in an air-conditione room.

6. The contract may be terminated by either party by giving one month's notice in wring

7. Tenders must indicate packing size (i.e. No. of tablets/capsules per pack or volume of fluid per bottle) of items offered.

Condition No. (6) is included in case we received drugs bulletins on any of the tendered items which need to be withdrawn from use due to some dangerous contra-indications.

8. List of items for tender for the above department can be obtained from Account Section, Medical Headquarters, Bandar Seri Begawan, Brunei.

9. Tenders must be placed in plain sealed envelope on the face of which should be written SUPPLY OF ANTIBIOTICS TO GENERAL HOSPITAL, BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI. There must be no indication on the cover of the name of the tenderer.

10. Tender deposit will be $500.00.

11. Government does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## JABATAN KERJA RAYA, BRUNEI — KENYATAAN TAWARAN

### BIL. 339 TAHUN 1982

TAWARAN2 ada-lah di-pelawa dari Pemborong2 Kelas "B" dan ka-atas yang berdaftar di-Jabatan Kerja Raya, Brunei oleh Lembaga Tawaran yang beralamat di-Bangunan Setiausaha Kerajaan sa-hingga jam 12.00 tengah hari pada 10hb Januari, 1983 bagi kerja2 yang berikut : —

TAMBAHAN PEJABAT UGAMA TUTONG.

Dokumen2 tawaran dan penerangan2 yang lanjut boleh-lah di-lihat dan di-perolehi dari Jabatan Kerja Raya, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### BIL. 340 TAHUN 1982

TAWARAN2 ada-lah di-pelawa dari Pemborong2 Kelas "A" sahaja yang berdaftar di-Jabatan Kerja Raya, Brunei oleh Lembaga Tawaran yang beralamat di-Bangunan Setiausaha Kerajaan sa-hingga jam 12.00 tengah hari pada 10hb Januari, 1983 bagi kerja2 yang berikut : —

PERUMAHAN BAGI KAKITANGAN BOMBA LAPANGAN — TERBANG (PERENGKAT 4) YANG DI-CHADANGKAN DI-JALAN GOSTAIN — LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA, BRUNEI.

Dokumen2 tawaran dan penerangan2 yang lanjut boleh-lah di-lihat dan di-perolehi dari Jabatan Kerja Raya, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### BIL. 341 TAHUN 1982

TAWARAN2 ada-lah di-pelawa dari Pemborong2 Kelas "B" dan ka-atas yang berdaftar di-Jabatan Kerja Raya, Brunei oleh Lembaga Tawaran yang beralamat di-Bangunan Setiausaha Kerajaan sa-hingga jam 12.00 tengah hari pada 10hb Januari, 1983 bagi kerja2 yang berikut : —

MENCHAT SEMULA BAHAGIAN LUAR PEJABAT PERABOT/BANGUNAN WORKSHOP TUKANG KAYU DI-JALAN LAPANGAN TERBANG, BRUNEI.

Dokumen2 tawaran dan penerangan2 yang lanjut boleh-lah di-lihat dan di-perolehi dari Jabatan Kerja Raya, Bandar Seri Begawan, Brunei.

# KENYATAAN2 DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## KENYATAAN TAWARAN
## SUPPLY, DELIVERY AND INSTALLATION OF DECORATIVE ARCHES TO THE PROPOSED ARTS AND CRAFTS CENTRE

1. TAWARAN2 ada-lah di-jemput oleh Pengerusi Lembaga Tawaran yang beralamat di-pejabat Kewangan Negara, Brunei tingkat bawah, Bangu-an Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei dari Pemborong2 Kelas 'C' ka-atas sa-hingga hari Isnin, 17hb Januari 1983 jam 12.00 tengah hari bagi pembenaan projek yang tersebut di-bawah:—

SUPPLY, DELIVERY AND INSTALLATION OF DECORATIVE ARCHES TO THE PROPOSED ARTS AND CRAFTS CENTRE AT JALAN RESIDENCY, BRUNEI.

2. Tawaran2 yang di-terima lewat dari tarikh dan masa yang di-sebutkan di-atas akan tidak di-layani.

3. Tawaran2 hendak-lah di-hantar melalui sampul surat yang bertutop dengan tidak memberikan apa2 identiti pemborong dan sampul surat itu mesti-lah di-tujukan kapada Pengerusi, Lembaga Tawaran, Bangunan Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei dan mesti-lah di-tanda dengan saperti berikut:—

SUPPLY, DELIVERY AND INSTALLATION OF DECORATIVE ARCHES TO THE PROPOSED ARTS AND CRAFTS CENTRE AT JALAN RESIDENCY, BRUNEI.

4. Dokumen2 tawaran boleh-lah di-lihat dan di-dapati dari pejabat berikut:—

AKITEK IBRAHIM
(Akitek Berkanun)
201 Chandrawaseh
Shopping Complex
Mile 1, Jalan Tutong
Bandar Seri Begawan
Brunei

mulai dari hari Rabu 5hb Januari 1983 hingga jam 12.00 tengah hari, hari Sabtu 15hb Januari 1983.

5. Chagaran tawaran (tender deposit) sa-banyak $100.00 (Satu Ratus Ringgit Sahaja) ada-lah di-kehendaki di-bayar oleh pemborong2 yang hendak menghantar tawaran. Chagaran tawaran ini akan di-kembalikan kapada semua pemborong2 yang tidak berjaya yang menghantar tawaran yang berseh (bona fide tender).

6. Tawaran2 mesti-lah di-hantar dengan menggunakan borong2 tawaran yang telah di-sediakan. Tawaran yang mempunyai pengechualian tidak di-layan.

7. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei tidak akan terikat menerima tawaran2 yang rendah atau pun apa2 jua tawaran.

## KENYATAAN TAWARAN
## CHADANGAN PEJABAT DAERAH/PEJABAT PERTANIAN, BRUNEI

TAWARAN2 ada-lah di-jemput oleh Pengerusi Lembaga Tawaran yang beralamat di-Pejabat Kewangan Negara, Brunei tingkat bawah, Bangunan Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei dari Pemborong2 Kelas 'A'.

2. Tawaran2 yang di-terima lewat dari tarikh dan masa yang di-sebutkan di-atas akan tidak di-layan.

3. Tawaran2 hendak-lah di-hantar melalui sampul surat yang bertutop dengan tidak memberikan apa2 identiti pemborong dan tawaran2 hendak-lah di-masokkan ka-dalam Peti Tawaran yang terletak di-luar pejabat Pegawai Kewangan Negara di-Tingkat Bawah Bangunan Pejabat Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, hari Isnin 24hb Januari 1983.

4. Dokumen2 dan lukisan2 tawaran yang berkenaan boleh-lah di-lihat dan di-dapati dari yang berikut:—

AKITEK BILLINGS
LEONG & REX KOH
43, Tingkat Empat
Britannia House
Jalan Cator
Bandar Seri Begawan
Brunei

mulai dari hari Rabu 29hb Disember 1982 hingga jam 12.00 tengah hari, hari Sabtu, 15hb Januari 1983.

5. Chagaran tawaran (tender deposit) sa-banyak $10,000.00 (Ringgit Sa-puloh Ribu Sahaja) ada-lah di-kehendaki di-bayar oleh pemborong2 yang hendak menghantar tawaran. Chagaran tawaran ini akan di-kembalikan kapada semua pemborong2 yang tidak berjaya yang menghantar tawaran yang berseh (bona fide tender).

6. Sa-belum dokumen2 tawaran di-keluarkan semua pemborong2 ada-lah di-kehendaki membawa dan melihatkan perkara2 yang berikut:—

a) Pemborong2 itu ada-lah pemborong yang berdaftar di-Jabatan Kerja Raya dalam Kategori Kelas 'A' Pemborong yang di-kehendaki,

b. Surat akuan dari bank2 yang berdaftar di-Brunei yang menunjokkan bank2 itu akan dapat mengeluarkan tender deposit sa-banyak 10% dari harga projek jika pemborong itu berjaya. Pemborong2 yang terdiri dari bumi putera ada-lah di-kechualikan dalam hal ini.

7. Tawaran2 mesti-lah di-hantar dengan menggunakan borang2 tawaran yang telah di-sediakan. Tawaran yang mempunyai pengechualian tidak di-layan.

8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei tidak akan terikat menerima tawaran2 yang rendah atau pun apa2 jua tawaran.

## ELECTRICAL AND FIRE ALARM INSTALLATIONS TO GOVERNMENT OFFICES, SERIA

TAWARAN2 ada-lah di-jemput oleh Pengerusi Lembaga Tawaran yang beralamat di-Pejabat Kewangan Negara, Brunei tingkat bawah, Bangunan Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei dari Pemborong Kelas 'A' sa-hingga hari Isnin, 17hb Januari 1983 jam 12.00 tengah hari bagi pembenaan projek yang tersebut di-bawah:—

ELECTRICAL AND FIRE ALARM INSTALLATIONS TO GOVERNMENT OFFICES, SERIA.

2. Tawaran2 yang di-terima lewat dari tarikh dan masa yang di-sebutkan di-atas akan tidak di-layan.

3. Tawaran2 hendak-lah di-hantar melalui sampul surat yang bertutop dengan tidak memberikan apa2 identiti pemborong dan sampul surat itu mesti-lah di-tujukan kapada Pengerusi, Lembaga Tawaran, Bangunan Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei dan mesti-lah di-tanda dengan saperti berikut:—

TAWARAN UNTOK:
ELECTRICAL AND FIRE ALARM INSTALLATIONS TO GOVERNMENT OFFICES, SERIA.

4. Dokumen2 dan lukisan2 tawaran yang berkenaan boleh-lah di-lihat dan di-dapati dari yang berikut:—

J. ROGER PRESTON & PARTNERS
Blk 2 No. 8 1st Floor
YTM Seri Paduka Pg Anak Puteri Norain Shophouse
Mile 1½ Jalan Tutong
Bandar Seri Begawan
Brunei

mulai dari hari Isnin 27hb Disember, 1982 hingga jam 4.00 petang hari Isnin 3hb Januari, 1983.

5. Chagaran tawaran (tender deposit) sa-banyak $500.00 (Ringgit Lima Ratus Sahaja) ada-lah di-kehendaki di-bayar oleh pemborong2 yang hendak menghantar tawaran. Chagaran tawaran ini akan di-kembalikan kapada semua pemborong2 yang tidak berjaya yang menghantar tawaran yang berseh (bona fide tender).

6. Sa-belum dokumen2 tawaran di-keluarkan semua pemborong2 ada-lah di-kehendaki membawa dan melihatkan perkara2 yang berikut:—

a. Pemborong2 itu ada-lah pemborong yang berdaftar di-Jabatan Letrik dalam Kategori pemborong yang di-kehendaki.

b. Surat akuan dari bank2 yang berdaftar di-Brunei yang menunjokkan bank2 itu akan dapat mengeluarkan security deposit sa-banyak 10% dari harga projek jika pemborong itu berjaya.

7. Tawaran2 mesti-lah di-hantar dengan menggunakan borang2 tawaran yang telah di-sediakan. Tawaran yang mempunyai pengechualian tidak di-layan.

8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei tidak akan terikat menerima tawaran2 yang rendah atau pun apa2 jua tawaran.

## R.B.M.R. TENDER NOTICES

**TENDER No. 1/1983**
SUPPLY OF FURNITURE CLASS I, II AND III REPAIR TO ROYAL BRUNEI MALAY REGIMENT.

1. General Conditions of RBMR Contract for the Purchase of Goods and Services Dated June 1982 are to apply.
2. Tenders should be placed in the Tenders Box, situated outside the office of the State Financial Officer, on the Ground Floor of the Secretariat Building, Bandar Seri Begawan up to 12.00 noon, on Monday 31st January 1983.
3. Tender documents can be seen and obtained from Procurement Office, Logistics Depot, Royal Brunei Malay Regiment, Berakas Garrison, during normal working hours.
4. The Govenment of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

**TENDER No. 2/1983**
SUPPLY OF COLCHESTER BANTAM LATHE AND ACCESSORIES TO ROYAL BRUNEI MALAY REGIMENT.

1. General Conditions of RBMR Contract for the Purchase of Goods and Services dated June 1982 are to apply.
2. Brochures/Catalogues to Procurement Office, Logistics Depot Berakas Garrison by 3rd February 1983.
3. Tenders should be placed in the Tenders Box, situated outside the office of the State Financial Officer, on the Ground Floor of the Secretariat Building, Bandar Seri Begawan up to 12.00 noon, on Monday 31st January 1983.
4. Tender documents can be seen and obtained from Procurement Office, Logistics Depot, Royal Brunei Malay Regiment, Berakas Garrison, during normal working hours.
5. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## AIRCONDITIONING INSTALLATION TO GOVERNMENT OFFICES, SERIA

TAWARAN2 ada-lah di-jemput oleh Pengerusi Lembaga Tawaran yang beralamat di-Pejabat Kewangan Negara, Brunei tingkat bawah, Bangunan Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei dari Pemborong Kelas 'A' dan 'B' sa-hingga hari Isnin 17hb Januari, 1983 jam 12.00 tengah hari bagi pembenaan projek yang tersebut di-bawah:—

AIRCONDITIONING INSTALLATION TO GOVERNMENT OFFICES, SERIA.

2. Tawaran2 yang di-terima lewat dari tarikh dan masa yang di-sebutkan di-atas akan tidak di-layan.

3. Tawaran2 hendak-lah di-hantar melalui sampul surat yang bertutop dengan tidak memberikan apa2 identiti pemborong dan sampul surat itu mesti-lah di-tujukan kapada Pengerusi, Lembaga Tawaran, Bangunan Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei dan mesti-lah di-tanda dengan saperti berikut:—

TAWARAN UNTOK:
AIRCONDITIONING INSTALLATION TO GOVERNMENT OFFICES, SERIA.

4. Dokumen2 dan lukisan2 tawaran yang berkenaan boleh-lah di-lihat dan di-dapati dari yang berikut:—

J. ROGER PRESTON & PARTNERS
Blk 2 No. 8 1st Floor
YTM Seri Paduka Pg Anak Puteri Norain Shophouse
Mile 1½ Jalan Tutong
Bandar Seri Begawan
Brunei

mulai dari hari Isnin 27hb Disember, 1982 hingga jam 4.00 petang hari Isnin 3hb Januari, 1983.

5. Chagaran tawaran (tender deposit) sa-banyak $500.00 (Ringgit Lima Ratus Sahaja) ada-lah di-kehendaki di-bayar oleh pemborong2 yang hendak menghantar tawaran. Chagaran tawaran ini akan di-kembalikan kapada semua pemborong2 yang tidak berjaya yang menghantar tawaran yang berseh (bona fide tender).

6. Sa-belum dokumen2 tawaran di-keluarkan semua pemborong2 ada-lah di-kehendaki membawa dan melihatkan perkara2 yang berikut:—

a. Pemborong2 itu ada-lah pemborong yang berdaftar di-Jabatan Letrik dalam Kategori pemborong yang di-kehendaki.

b. Surat akuan dari bank2 yang berdaftar di-Brunei yang menunjokkan bank2 itu akan dapat mengeluarkan security deposit sa-banyak 10% dari harga projek jika pemborong itu berjaya.

7. Tawaran2 mesti-lah di-hantar dengan menggunakan borang2 tawaran yang telah di-sediakan. Tawaran yang mempunyai pengechualian tidak di-layan.

8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei tidak akan terikat menerima tawaran2 yang rendah atau pun apa2 jua tawaran.

## CONSTRUCTION OF GOVERNMENT OFFICES, SERIA

TAWARAN2 ada-lah di-jemput oleh Pengerusi Lembaga Tawaran yang beralamat di-Pejabat Kewangan Negara, Brunei tingkat bawah, Bangunan Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei dari Pemborong Kelas 'A' dan 'AX' sa-hingga hari Isnin 17hb Januari 1983 jam 12.00 tengah hari bagi pembenaan projek yang tersebut di-bawah:—

CONSTRUCTION OF GOVERNMENT OFFICES, SERIA.

2. Tawaran2 yang di-terima lewat dari tarikh dan masa yang di-sebutkan di-atas akan tidak di-layan.

3. Tawaran2 hendak-lah di-hantar melalui sampul surat yang bertutop dengan tidak memberikan apa2 identiti pemborong dan sampul surat itu mesti-lah di-tujukan kapada Pengerusi, Lembaga Tawaran, Bangunan Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei dan mesti-lah di-tanda dengan saperti berikut:—

TAWARAN UNTOK:
CONSTRUCTION OF GOVERNMENT OFFICES, SERIA.

4. Dokumen2 dan lukisan2 tawaran yang berkenaan boleh-lah di-lihat dan di-dapati dari yang berikut:—

PETER ROBINSON & ASSOCIATES
AKITEK BERKANUN
98A Jalan McKerron
Kuala Belait
Brunei

mulai dari hari Isnin 27hb Disember, 1982 hingga jam 4.00 petang hari Isnin 3hb Januari, 1983.

5. Chagaran tawaran (tender deposit) sa-banyak $500.00 (Ringgit Lima Ratus Sahaja) ada-lah di-kehendaki di-bayar oleh pemborong2 yang hendak menghantar tawaran. Chagaran tawaran ini akan di-kembalikan kapada semua pemborong2 yang tidak berjaya yang menghantar tawaran yang berseh (bona fide tender).

6. Sa-belum dokumen2 tawaran di-keluarkan semua pemborong2 ada-lah di-kehendaki membawa dan melihatkan perkara2 yang berikut:—

a. Pemborong2 itu ada-lah pemborong yang berdaftar di-Jabatan Kerja Raya dalam Kategori pemborong yang di-kehendaki,

b. Surat akuan dari bank2 yang berdaftar di-Brunei yang menunjokkan bank2 itu akan dapat mengeluarkan security deposit sa-banyak 10% dari harga projek jika pemborong itu berjaya.

7. Tawaran2 mesti-lah di-hantar dengan menggunakan borang2 tawaran yang telah di-sediakan. Tawaran yang mempunyai pengechualian tidak di-layan.

8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei tidak akan terikat menerima tawaran2 yang rendah atau pun apa2 jua tawaran.

## EXTERNAL SEWER LINES, WATER RETICULATION AND GAS MAINS FOR PROPOSED GOVERNMENT HOUSING, MILE 4, JALAN MUMONG KUALA BELAIT

1. TAWARAN2 ada-lah di-jemput oleh Pengerusi Lembaga Tawaran dari Pemborong Kelas A bagi pembenaan projek yang tersebut di-bawah:—

EXTERNAL SEWER LINES, WATER RETICULATION AND GAS MAINS FOR PROPOSED GOVERNMENT HOUSING, MILE 4, JALAN MUMONG, KUALA BELAIT, BRUNEI.

2. Tawaran2 hendak-lah di-masokkan ka-dalam Peti Tawaran yang terletak di-luar pejabat Pegawai Kewangan Negara di-Tingkat Bawah Bangunan Pejabat Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, hari Isnin 17hb Januari 1983.

3. Tawaran2 yang di-terima lewat dari tarikh dan masa yang di-sebutkan di-atas akan tidak di-layan.

4. Tawaran2 hendak-lah di hantar melalui sampul surat yang bertutop dengan tidak memberikan apa2 identiti pemborong dan sampul surat itu mesti-lah di-tujukan kapada Pengerusi, Lembaga Tawaran, Bangunan Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei dan mesti-lah di-tanda dengan saperti berikut:—

TAWARAN UNTOK:
EXTERNAL SEWER LINES, WATER RETICULATION AND GAS MAINS FOR PROPOSED GOVERNMENT HOUSING, MILE 4, JALAN MUMONG, KUALA BELAIT, BRUNEI.

5. Dokumen2 dan lukisan2 tawaran yang berkenaan boleh-lah di-lihat dan di-dapati dari yang berikut:—

AKITEK BERJAYA
Block C3, 2nd Floor,
Jefri Bolkiah Shopping Complex,
Mile 1, Jalan Tutong,
Bandar Seri Begawan
Brunei

mulai dari hari Rabu 22hb Disember 1982 hingga jam 4.00 petang hari Rabu 12hb Januari 1983.

6. Chagaran tawaran (tender deposit) sa-banyak $1,000.00 (Ringgit Satu Ribu Sahaja) ada-lah di-kehendaki di-bayar oleh pemborong2 yang hendak menghantar tawaran. Chagaran tawaran ini akan di-kembalikan kapada semua pemborong2 yang tidak berjaya yang menghantar tawaran yang berseh (bona fide tender).

7. Sa-belum dokumen2 tawaran di-keluarkan semua pemborong2 ada-lah di-kehendaki membawa dan melihatkan perkara2 yang berikut:—

a. Pemborong2 itu ada-lah pemborong yang berdaftar di-Jabatan Kerja Raya dalam Kategori pemborong yang di-kehendaki,

b. Surat akuan dari bank2 yang berdaftar di-Brunei yang menunjokkan bank2 itu akan dapat mengeluarkan 'bankers guarantee' sa-banyak 10% dari harga projek jika pemborong itu berjaya.

8. Tawaran2 mesti-lah di-hantar dengan menggunakan borang2 tawaran yang telah di-sediakan. Tawaran yang mempunyai pengechualian tidak di-layan.

9. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei tidak akan terikat menerima tawaran2 yang rendah atau pun apa2 jua tawaran.

# KONSUL AGONG KOREA SELATAN KA-BRUNEI DI-TERIMA MENGADAP



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan ketika menerima mengadap Awang Kim Kyung Chul di-Istana Darul Hana.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei telah berkenan menerima mengadap Awang Kim Kyung Chul, Konsul Agong Republik Korea Selatan ka-Brunei pada 9hb Disember di-Istana Darul Hana di-sini baru ini.

Majlis tersebut telah berlangsong beberapa jam sa-telah Awang Kim tiba bersama Awang Oh Byung Seang, Naib Konsul Agong di-Kedutaan Republik Korea Selatan di-Singapura dalam rangka lawatan empat hari mereka ka-negeri ini.

Berangkat di-majlis sengkat itu termasok-lah Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddin, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah.

Juga hadhir ia-lah YTB Penasehat Umom Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Haji Isa, YB Pemangku Setiausaha Kerajaan, Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Awang Abdul Rahman, YB Peguam Negara Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin dan YB Pegawai Kewangan Negara Pehin Orang Kaya Khazanah Negara Laila Diraja Dato Laila Utama John Lee.

Sejurus kemudian beliau juga telah mengadap Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah di-Hijau Baiduri.

Sa-masa di-sini Awang Kim yang ketika ini menjadi Duta Republik Korea Selatan di-Singapura telah juga mengadakan perjumpaan2 dengan TYT Awang A. C. Watson, Pesurohjaya Tinggi British di-Brunei, YTB Penasehat Umom Kebawah DYMM, YB Pemangku Setiausaha Kerajaan dan lain2 pegawai kanan Kerajaan.



AWANG Kim Kyung Chul ketika mengadap YTM Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah di-Hijau Baiduri.

# Perkembangan Semakin Pesat

Dari muka 1

ada chekerawala matahari dan bulan yang mana Allah s.w.t. menjadikan langit dan bumi. Kemajuan yang telah di-chapai dibidang perkembangan ugama ini sudah tentu sa-bahagian-nya di-sebabkan oleh kesedaran kerajaan Beta terutama dalam usaha2 untok menjadikan Islam sa-bagai chara hidup yang lengkap. Berikutan denganini Beta ingin menyatakan bahawa dalam usaha2 untok menyedar-dengan ini Beta ingin menyebarkan ajaran2 ugama Islam maka tidak dapat di-nafikan yang kesedaran sa-umpama itu harus ditimbulkan dari zahir batin diri sa-tiap umat Islam.

Sunggoh pun begitu usaha2 demikian tidak pula sa-harus-nya di-tumpukan kapada perkara2 yang berkaitan dengan amal ibadat dengan pandangan yang sempit sa-hingga boleh menjadikan sa-seorang itu hanya semata2 mementingkan amal ibadat untok kepentingan dan keuntongan diri-nya sahaja dengan tidak rujok kapada tegoran2 yang membena tanpa memikirkan hubongan-nya dengan perkara2 yang lain yang laila mustahak. Malah sa-laras dengan amalan untok menjadikan Islam sa-bagai suatu chara hidup yang lengkap yang di-redhai oleh Allah maka pada perengkat ini sudah sampai-lah pula masa-nya supaya pandangan dan pendekatan terhadap Islam itu khas-nya dalam usaha2 untok menyebarkan dan memperkembangkan ajaran2 Islam itu di-perluaskan pada meliputi aspek2 kehidupan yang lebeh besar yakni hidup bermasharakat dan bernegara.

Apa yang Beta maksudkan ia-lah amal ibadat yang mendatangkan faedah atau keuntongan bukan sahaja kapada mereka yang mengerjakan-nya tetapi juga kapada masharakat 'am-nya. Perbuatan2 atau amalan2 yang baik saperti taat kapada negara, patoh kapada peratoran dan undang2 dan bersunggoh2 pada menjalankan kewajipan ia-lah amalan yang mustahak di-semai di-kalangan raayat dan pendudok negeri Brunei ini. Sa-balek-nya pula sikap2 yang tidak baik dan merugikan sa-umpama-nya chuai pada menjalankan tugas2 dan lain2 lagi saperti pembaziran sebab pembaziran itu adalah menurut kelakuan shaitan, penyelewengan dan tidak amanah, penghasut, pemfitnah2 dan penyebar khabar2 angin yang tidak berasas hendak-lah di-benteras.

Dengan chara ini Beta perchaya bahawa sa-orang Islam itu akan mendapat munafaat daripada ajaran2 ugama Islam dalam pembentokan diri-nya selaku sa-orang raayat di-negeri ini. Seterus-nya menerusi chara yang sama Islam akan dapat pula memberikan sumbangan yang bernilai terhadap pembangunan bangsa dan negara dan dapat pula memperlihatkan gambaran yang jelas mengenai kedudokan tinggi-nya umat Islam, ugama Islam jika di-bandingkan kapada umat2 yang lain.

Akhir-nya Beta berdoa semoga Allah s.w.t. akan terus melempahkan taufik dan hidayah-Nya dalam usaha2 kita untok melaksanakan ajaran2 Islam dengan berkesan di-negeri ini. Dan dengan itu Insha Allah negeri Brunei akan dapat mengekalkan taraf-nya sa-bagai sa-buah negara Islam.

Wa billahit taufik wal hidayat. Wassalamu alaikom wa-ramatullahi wabarakatuh.

# Pemangku Menteri Besar Selamat pulang

BERAKAS. — Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz dan rombongan telah kembali ka-tanah ayer pada pagi Rabu lepas sa-telah mengadakan lawatan muhibbah sa-lama empat hari ka-Republik Singapura.

Yang Amat Berhormat berlepas ka-Singapura pada hari Ahad 19hb Disember lepas dan telah di-sertai oleh isteri-nya Datin Hajjah Zahrah bte Haji Idris serta empat orang pegawai kanan kerajaan yang terdiri dari Dato Paduka Awang Ahmad Saad, Timbalan Pegawai Kewangan Negara, Malai Ali bin Malai Haji Othman, Pengarah Perkhidmatan2 Letrik, Awang Abd Rahman bin Abd Karim, Pengarah Lembaga Kemajuan Ekonomi dan Awang Haji Mohd Salleh bin Haji Hidup, Pegawai Pentadbir Kanan di-Jabatan Setiausaha Kerajaan selaku setiausaha kapada rombongan.

Sa-masa berada di-Singapura Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar dan rombongan telah membuat kunjongan muhibbah kapada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Singapura, Tuan Lee Kuan Yew, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri Satu, Dr Goh Keng Swee, Yang Berhormat Menteri Bagi Hal Ehwal Luar dan Menteri Kebudayaan, Tuan S. Dhanabalan serta lain2 pegawai2 kanan kerajaan di-republik itu.

Ketibaan Yang Amat Berhormat dan rombongan di-Lapangan Terbang Antarabangsa di-sini (gambar sebelah) telah di-alu2kan oleh beberapa orang pegawai kanan dari Jabatan Setiausaha Kerajaan.



# Juga berangkat sama

Dari muka 1

sa-orang raayat di-negeri ini. Seterus-nya menerusi chara yang sama Islam akan dapat pula memberikan sumbangan yang bernilai terhadap pembangunan bangsa dan negara dan dapat pula memperlihatkan gambaran yang jelas mengenai kedudokan tinggi-nya umat Islam jika di-bandingkan kapada umat2 yang lain," titah Kebawah DYMM lagi.

Turut berangkat ka-majlis sambutan yang berlangsong di-padang S.M. SMJA ia-lah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Digadong Sahibol Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah, YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Masna, YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Amal Rakiah dan YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Amal Nasibah.

Turut berangkat dan hadhir di-majlis itu ialah Yang Amat Mulia Pengiran2 Cheteria, Yang Berhormat Pemangku Setiausaha Kerajaan Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Awg. Abdul Rahman, Pegawai2 kanan kerajaan dan ketua2 jabatan.

DI-TERBITKAN OLEH BAHAGIAN PENERANGAN, JABATAN SETIA USAHA KERAJAAN DAN DI-CHETAK OLEH JABATAN PERCHETAKAN KERAJAAN BRUNEI.